



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**COLLEGE OF COMPUTING INFORMATICS AND MATHEMATICS**

**BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORD MANAGEMENT (IM 246)**

**COURSE CODE:**

IMR 604: ORAL DOCUMENTATION

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABDUL LATIP**

**TOKOH SEJARAH**

**MENGENAI SEJARAH PEMBUKAAN SEGAMAT**

**PENSYARAH:**

MADAM AZURA BINTI ABDUL JAMIL @KAMARUDZZAMAN

**KELAS:**

JIM2465A

**DISEDIAKAN OLEH:**

MUHAMMAD DANNIEL HARITH BIN MD NADZIRUDDIN (2022996635)

SYED AHMAD IZZAT ALJUNID BIN SYED MOHAMMAD (2022958585)

**TARIKH:**

20 JULAI 2023

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	II
PENGHARGAAN .....	IV
SENARAI ABREVIASI .....	VI
SENARAI SINGKATAN.....	VIII
RUJUKAN KATA .....	X
1.0 BIODATA PENEMUBUAL .....	2
1.1 BIODATA PENEUBUAL 1 .....	2
1.2 BIODATA PENEUBUAL 2 .....	3
2.0 BIODATA TOKOH .....	5
2.1 BIODATA .....	5
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH .....	6
3.0 SEJARAH LISAN.....	8
3.1 PENGENALAN.....	8
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....	8
3.2.1 OBJEKTIF SECARA UMUM.....	8
3.2.2 OBJEKTIF DALAM KONTEKS SEJARAH PEMBUKAAN SEGAMAT.....	8
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN .....	9
4.0 KAJIAN LITERATUR.....	11
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH .....	14
6.0 LOG TEMUBUAL.....	41
7.0 GLOSARI .....	54
8.0 INDEKS .....	58
9.0 BIBLIOGRAFI.....	60
10.0 LAMPIRAN .....	62
10.1 BIOGRAFI TOKOH .....	62
10.2 SURAT PERJANJIAN.....	63
10.3 SENARAI SOALAN.....	64
10.4 DIARI PENYELIDIKAN .....	67
10.5 GAMBAR BERKAITAN.....	70

## **ABSTRAK**

*Wawancara bersama Encik Aisyamuddin bin Abd Latip atau lebih senang dipanggil Aisy ini dikendalikan oleh Syed Ahmad Izzat Aljunid bin Syed Mohammad dan Muhammad Danniell Harith bin Md Nadziruddin, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kolej Pengkomputeran, Informatik Dan Media, Pengurusan Rekod (IM 246) semester 5 Fakulti Kolej Pengkomputeran, Informatik Dan Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Segamat, Cawangan Johor. Transkrip ini disediakan mengikut temubual yang telah dijalankan bersama Encik Aisyamuddin bin Abd Latip berkisarkan pengalaman hidup beliau sebagai seorang pengkaji sejarah dan mengkaji tentang Sejarah Pembukaan Segamat. Beliau menceritakan tentang biodata diri dan keluarga, latar belakang pendidikan, kisah hidup beliau sebagai seorang pengkaji sejarah serta pengalaman dan juga harapan beliau kepada pemeliharaan sejarah di negara ini. Melalui projek sejarah lisan ini, diharap masyarakat di luar terutamanya generasi pada masa kini dan juga akan datang mengetahui lebih lanjut serta mendalami sejarah supaya sentiasa dapat dipulihara dan tak lapuk dek zaman.*

*Kata kunci: Aisyamuddin bin Abd Latip, sejarah, pengkaji sejarah, kisah hidup*

## **ABSTRACT**

*This interview with Mr. Aisyamuddin bin Abd Latip or more easily called Aisy was conducted by Syed Ahmad Izzat Aljunid bin Syed Mohammad and Muhammad Danniell Harith bin Md Nadziruddin, Bachelor's Degree Students College of Computing, Informatics and Media, Records Management (IM 246) semester 5 Faculty College of Computing, Informatics and Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Segamat Campus, Johor Branch. This transcript is prepared according to an interview conducted with Encik Aisyamuddin bin Abd Latip about his life experience as a historian and studying the history of the opening of Segamat. He talked about his personal and family biodata, educational background, his life story as a historical researcher as well as his experience and his hopes for the preservation of history in this country. Through this oral history project, it is hoped that the community outside, especially the current and future generations, will learn more and deepen the history so that it can always be preserved and not out of date.*

*Keyword: Aisyamuddin bin Abd Latip, history, historian, life story*

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bismillah, Alhamdulillah, syukur ke atas rahmat Ilahi dan Kudrat kerana dengan limpah dan rahmat-Nya kami dapat menyiapkan transkrip ini dan menghantar pada waktu yang telah diberikan. Sekalung penghargaan diberikan kepada Encik Kamarol Bin Haji Yusoff kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah oleh kami.

Di kesempatan ini kami ingin mengucapkan jutaan ucapan terima kasih kepada semua yang telah banyak membantu dan menolong kami terutama sekali kepada pensyarah Sejarah Lisan kami iaitu Puan Azura Binti Kamarudzzaman kerana bersabar dalam memberi tunjuk ajar kepada kami tanpa mengenal erti penat lelah dan tanpa mengira waktu.

Selain itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan terhadap rakan-rakan yang telah banyak membantu dan bekerjasama dalam mencari serta mengumpul bahan-bahan untuk digunakan dalam kajian ini.

Ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberikan dorongan dan juga semangat serta banyak membantu kami dari segi kewangan sepanjang kami menyiapkan kerja kursus ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kami tujukan kepada semua yang membantu kami secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang proses transkrip ini berlangsung.

Sekian terima kasih.

# **SENARAI ABREVIASI**

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
COVID	CORONA VIRUS DISEASE
FELDA	FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY
FGD	FOCUS GROUP AND DISCUSSION
IOI	INDUSTRIAL OXYGEN INCORPORATED BERHAD
KOTASAS	KOTA SULTAN AHMAD SHAH
LED	LIGHT EMITTING DIODE
PROF	PROFESSOR

# **SENARAI SINGKATAN**



### SENARAI SINGKATAN

AAL	Encik Aisyamuddin (Aisyamuddin bin Abd Latip)
BN	Barisan Nasional
DO	District Officer
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KL	Kuala Lumpur
KLMU	Kuala Lumpur Metropolitan University College
MDH	Muhammad Danniell Harith (Muhammad Danniell Harith bin Md Nadziruddin)
NGO	Non-Government Organization
PH	Pakatan Harapan
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
SAI	Syed Ahmad Izzat (Syed Ahmad Izzat Aljunid bin Syed Mohammad)
SSM	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
UPU	Sistem UPU Online adalah sistem untuk memudahkan pemohon membuat permohonan kemasukan ke UA/Politeknik
YB	Yang Berhormat
YPJ	Yayasan Pelajaran Johor

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

-Ah	Lah
Alert	Amaran
Amende	Apa benda
-An	Kan
Ape	Apa
At the end	Pada akhirnya
Bawak	Bawa
Besok	Esok
Camping	Berkhemah
Certain-certain	Setengah-setengah
Choice	Pilihan
Dah	Sudah
Develop	Pembangunan
Developer	Pemaju
Developer	Pemaju
Device	Peranti
Documentation	Dokumentasi
-En	Kan
Environment	Suasana
Frame	Bingkai
Fully	Menyeluruh
Highway	Lebuhraya
Interview	Temu bual
Interview	Temuduga
Invoice	Inovis
Japgi	Kejap lagi
Je	Sahaja
Just	Hanya
Kat	Dekat
Kecik-kecik	Kecil-kecil
Lepastu	Lepas itu
Masatu	Masa itu
Mende	Perkara
Ni	Ini
Parking	Tempat letak kenderaan
Pasni	Lepas ini
Pass	Serahkan
Pastu	Lepas itu
Port	Tempat
Prefer	Lebih suka
Profit	Untung
Pulak	Pula
Rate	Kadar
Register	Pendaftaran
Reserve	Simpanan
Rest house	Rumah rehat

Route	Laluan
Sale	Jual
Sebabtu	Sebab itu
Series	Siri
Settle	Selesai
Significant	Bermakna
Situation	Situasi
So	Jadi
Survive	Bertahan
Sustain	Mengekalkan
Tak	Tidak
Takde	Tidak ada
Takyah	Tak payah
Touch	Sentuh
Trace	Jejak
Tu	Itu
Win-win	Adil
Yelah	Ya lah
Yes	Betul
Zoning	Pengezonan

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 BIODATA PENEUBAL 1



<b>Nama</b>	Muhammad Danniell Harith Bin Md Nadziruddin
<b>Tarikh Lahir</b>	Hospital Sultanah Aminah
<b>Tempat Lahir</b>	5 Julai 2001
<b>Alamat</b>	No 33 Jalan Tembikai 36 Taman Kota Masai, Pasir Gudang 81700 Johor
<b>Emel</b>	harithdanniell@gmail.com
<b>Program</b>	IM246 – Pengurusan Rekod
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Kampus Segamat, Johor

## 1.2 BIODATA PENEBUAL 2



<b>Nama</b>	Syed Ahmad Izzat Aljunid Bin Syed Mohammad
<b>Tarikh Lahir</b>	Pekan, Pahang
<b>Tempat Lahir</b>	12 April 2001
<b>Alamat</b>	No 75 Jalan Tok Tuan Kampung Mengkasar 26600 Pekan, Pahang
<b>Emel</b>	syedahmadizzat@gmail.com
<b>Program</b>	IM246 – Pengurusan Rekod
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Kampus Segamat, Johor

# **BIODATA TOKOH**



## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 BIODATA



<b>Profil</b>	<b>Maklumat Terperinci</b>
Nama Penuh	Encik Aisyamuddin Bin Abd Latip
Umur	28 Tahun
Tarikh Lahir	7 Januari 1995
Tempat Tinggal	Kampung Alai, Gemereh Segamat, Johor
Status	Belum Berkahwin
Pekerjaan	Pelajar Jurusan Arkitek
Agama	Islam

## **2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH**

Individu yang telah dipilih untuk membantu kajian ini ialah Encik Aisyamuddin Bin Abd Latip. Beliau dilahirkan pada 7 Januari 1995 dan dilahirkan di Kampung Alai, Gemereh serta dibersarkan di Segamat. Beliau telah mendapat pendidikan awal di sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Gemereh di Kampung Alai dan di Sekolah Menengah Bandar Putra. Kini beliau sedang melanjutkan pelajaran di UTM Johor dalam bidang arkitek. Beliau seorang yang cenderung terhadap bidang sejarah sejak dari diploma. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Sejarah Malaysia Segamat sejak tahun 2014.

# **SEJARAH LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Sejarah lisan adalah bidang pengajian dan kaedah mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan orang, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21.

Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi dalam sejarah lisan ini sungguh bernilai dalam kita memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sesungguhnya, sejarah lisan amat unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Seperti yang kita tahu, sejarah mempunyai ruang-ruang kosong yang perlu dipenuhi. Dalam keadaan ini, sumber lisan boleh membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah.

#### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

##### **3.2.1 OBJEKTIF SECARA UMUM:**

- Untuk dijadikan sumber rujukan yang jelas.
- Menambah koleksi dan pendokumentasian sejarah.
- Meningkatkan kesedaran kepentingan sejarah lisan.

##### **3.2.2 OBJEKTIF DALAM KONTEKS SEJARAH PEMBUKAAN SEGAMAT**

- Untuk mengetahui faktor pembukaan Segamat
- Untuk merungkai asal-usul Segamat
- Untuk mengetahui asal-usul nama Segamat

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Sejarah lisan amat penting untuk memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah ada sedia ada. Dengan mempunyai sumber sejarah lisan yang mencukupi ia dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap peristiwa sejarah yang berlaku. Hal ini amat penting khususnya terhadap generasi yang akan datang agar mereka dapat mengenali sejarah yang terdapat di Malaysia khususnya. Dengan adanya sumber-sumber lisan yang baharu maka sejarah-sejarah tersebut tidak akan ditelan dek kemajuan yang semakin pesat (Blogger, 2013)

Sejarah lisan secara tidak langsung juga dapat memperkayakan tradisi sejarah. Melalui sumber sejarah lisan, para sejarawan dapat menjadikan ia sebagai satu panduan dalam penyelidikan serta dapat menentukan sama ada sumber tersebut sahih ataupun tidak. Para sejarawan boleh melakukan proses menemu ramah orang tempatan bagi menentukan kesahihan sumber sejarah tersebut. Menurut Rozeman (2004), sumber lisan ini dapat memperkayakan lagi tradisi lisan kerana sumber-sumber lisan dikatakan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan sumber-sumber sejarah yang lain.

# **KAJIAN LITERATUR**

#### 4.0 KAJIAN LITERATUR

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Nadzan Haron, 2007).

Hal ini sangat penting bagi generasi akan datang kerana jika tiada lagi bukti ataupun tokoh yang boleh dirujuk akan menyebabkan satu kerugian yang sangat besar kepada generasi akan datang. Mereka mestilah mengetahui salasilah sesuatu penempatan supaya mereka dapat meneruskan legasi yang telah dibina dengan lebih baik di masa akan datang. Menurut (Rozeman Abu Hassan, 2004) menyatakan bahawa sejarah lisan adalah penerus keadaan proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan informan. Dalam pengertiannya seperti di atas, jelaslah bahwa sejarah lisan pada dasarnya merupakan rekonstruksi atas berbagai peristiwa sejarah yang benar-benar pernah terjadi yang terdapat didalam memori setiap individu manusia.

Hal-hal ini perlulah dikaji dengan terperinci dan juga disebarikan kepada generasi kini agar mereka memperoleh pengetahuan kerana ianya elemen-elemen yang sangat penting bagi mengetahui asal-usul sejarah penempatan dan pembangunan lokasi-lokasi yang terlibat. Dengan adanya cerita dan bukti sejarah dari masa lalu ini akan memberikan kesedaran kepada generasi kini untuk mengenang jasa dan menghormati generasi terdahulu yang telah pun mencurahkan segalanya bagi memastikan sesebuah penempatan itu membangun dengan baik tanpa sebarang masalah.

Segamat merupakan sebuah daerah paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar "Daerah Lagenda". Sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pada suatu masa dahulu pernah wujud di satu kawasan luas merintangi Kuala Muar hinggalah ke hulu daerah Segamat (Zahid Dol, 2015). Menurut orang tua-tua, pada masa dahulu kawasan tebing sungai Segamat begitu lurus dengan pasir di tebingnya halus. Apabila terkena sinaran matahari, sepanjang tebing sungai kelihatan seperti hamparan permaidani putih. Air sungainya yang jernih dan berkilau-kilauan menambahkan lagi keindahan kawasan sekitar

itu. Orang-orang Segamat suka berkunjung ke sebuah kawasan bernama Pasir Jenaling untuk berkelah. Ia merupakan tempat mengisi masa lapang bagi orang Segamat.



# **TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA RESPONDEN**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

**SAI:Assalamualaikum W.b.t**

AAL: Waalaikumusalam

**SAI: Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP dan sejarah pembukaan segamat Bersama-sama kami ialah ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP yang merupakan seorang pelajar di Universiti Teknologi Malaysia beliau juga merangkap sebagai tokoh sejarah bagi kajian lisan SEJARAH PEMBUKAAN SEGAMAT. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 JUN 2023 bersamaan dengan hari SELASA pada pukul 11:16 pagi bertempat di Perpustakaan UTM Johor. Temubual ini dikendalikan oleh MUHAMMAD DANNIEL HARITH BIN MD NADZIRUDDIN dan juga saya SYED AHMAD IZZAT ALJUNID. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan. (Gangguan Bunyi)**

**MDH:(Gangguan Bunyi) So soalan pertama kita pergi ke bahagian satu iaitu soalan orientasi,yang pertama,boleh Encik ceritakan sedikit tentang latar belakang diri Encik macam contohnya nama penuh,nama ringkas,nama gelaran,tempat lahir,tarikh lahir dan umur.( Gangguan Bunyi)**

AAL: Okay,aaa nama penuh saya Aishamuddin Abd Latip,aa nama ringkas atau panggilan,di keluarga saya panggil Aishamuddin,eh aa Muddin.Aaa kemudian aa masa saya menetap di Gemereh kebanyakan kawan-kawan saya panggil saya Muddin lah.Kemudian masa saya pindah ke Bandar Putra tahun 2014,aaa kawan saya pulak panggil Aisham,dah berubah pulak Aisham so jadi saya boleh tahu kalau ada orang panggil Muddin itu adalah kawan daripada kecik sekolah rendah.Bila orang panggil Aisham itu antara kawan-kawan yang belajar di Universiti dengan di Bandar IOI lah Bandar Putra.Kemudian semasa saya kerja budak dalam ofis pulak panggil saya Aish so saya tahu dah kalau kawan officemate dulu pun panggil saya Aish so kita boleh ingat kat situ.Aaaa tempat saya lahir di Kampung Alai,Gemereh Segamat,Johor.Aaa tarikh lahir saya 7 Januari 1995 hari Isnin saya dilahirkan.Aaa untuk anak jati Segamat eh.Aaaa memang saya anak jati Segamat,lahir pun di

Segamat,dibesarkan pun di Segamat sampai lah saya keluar belajar lah untuk masuk diploma.

**MDH: Macam mana dengan latar belakang tentang sejarah pendidikan,sekolah rendah,sekolah menengah**

AAL: Aaa okay saya sekolah rendah,saya sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Gemereh di Kampung Alai lah Gemereh tempat saya lahir dan masatu aaa saya tinggal di rumah atok lah di Kampung Alai kemudian aaa bapak pulak aaa beli rumah di Taman Gemereh dekat jelah,jalan kaki pun boleh rumah atok dengan rumah taman,lepastu darjah 5 baru saya eh darjah 4 baru saya tinggal di taman,sebelum tu saya tinggal di kampung dengan nenek lah.Lepastu saya melanjutkan pelajaran aaa di sekolah menengah kat Bandar Putra,bapak pulak beli taman aaa di Bandar Putra iaitu sekarang lah ni saya menetap di Taman IOI.Aaa lepastu nama Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra,daripada form 1 sampai ke form 5.Then saya melanjutkan diploma,eh tak sebelum tu saya ada sebulan je belajar di Politeknik Premier Salahuddin Shah [PPSS] kat Shah Alam tapi kos engineer.Sebelum saya belajarkan ingatkan boleh tukar subjek ke architecture an dulu minat architecture an lepastu tak dapat tak boleh sebab dalam premier selalu dalam choice tu takde,takde architecture an,nak tukar poli lain pun tak boleh,jadi saya berhenti sebulan tu belajar lah sikit sebulan orientasi tu lepas berhenti kerja sekejap aa dalam sebulan gitu dengan makcik untuk dapatkan mana-mana IPTA lain an time tu dah takde bukak lagi UPU dah tak bukak,kemudian saya sambung belajar di aa dapat aa Diploma kat KLMU,[Kuala Lumpur Metropolitan University College] kat KL lah,so belajar dalam tiga tahun tu Diploma Architecture,kemudian aaa habis belajar saya kerja,kerja satu tahun aaa 8 bulan macamtu dekat 2 tahun gitu di kampung eh di Segamat lah,di Segamat bidang architecture jugak lukis plan kemudian sambung lagi degree di Universiti sekarang ni lah Universiti Teknologi Malaysia [UTM] di Skudai pastu kerja pulak masa covid last ngam ngam masa covid tu habis belajar pastu takde kerja haha (ketawa kecil) takde kerja,takde kerja aaaa menganggurlah satu bulan gitu an memang masatu total lockdown kan semua orang tak boleh kerja jadi masatu aaa saya habiskan masa dengan buat buku lah mana data yang saya dah ada masa diploma sebab saya mengkaji waktu saya diploma so mana yang ada data tu saya kumpul siaplah satu buku aaa masa covid tu,hampir 5 bulan eh kita tak boleh keluar,saya boleh siap satu buku rupanya dalam masa 5 bulan.Ngadaplah komputer

apa semua kan tak boleh buat apa jadi aaa kerja dapat kerja di KL,office di KL lah tapi dapat site kerja tu di Taiping so duduk di Taiping ulang-alik lah kadang-kadang balik KL kat office kadang-kadang pegi site di Taiping pastu ada sewa lah rumah di Taiping pastu kerja 2 tahun pastu sambung belajar lah dapat master aaa sambung sekarang ni lah sekarang dah semester 2 dah ni sekarang di Universiti Teknologi Malaysia [UTM] jugak bidang yang sama architecture.

**MDH:Ada tak apa-apa cabaran semasa melanjutkan pelajaran?**

AAL:Okay masa melanjutkan pelajaran aaa biasalah semua orang boleh susah kan,itu normal lah biasa lah tu,pada saya susah tu just perjalanan dalam hidup je,jadi macam mana nak harung cabaran tu yang jadi persoalan an macam mana an.Pertama ada lah first saya tak dapat apa biasiswa tu lah,jadi sebab masa tu IPTS [Institut Pengajian Tinggi Swasta] kan takde biasiswa jadi terpaksa buat pinjaman lah,alhamdulillah lah masuk kerja dah habis dah haha (ketawa kecil) settle hutang tu je lah cabaran,kita student an student je paham an jadi saya amik cabaran tu cari kerja lah cari kerja sampingan tapi masih dalam bidang saya lah macam bidang freelance amiklah buat pelan buat itu untuk dapatkan sustain an,tu cabaran belajarkan soalnya,aa cabaran belajar macam tulah sebab kewangan an,jadi ada jugak saya aa join program dengan KL Sketch Nation [KLSN] sebaik saya pandai melukis an jadi saya gunakan melukis tu sebagai untuk aa perkenalkan diri saya dekat orang luar lah,jadi saya join satu event ni aaa youth aa KL Sketch Nation [KLSN] jadi kita semua dalam tu ada budak macam-macam budak grafik ada,budak designer ada,budak architecture ada so yang pandai melukis semua kita kumpul jadi kita buat exhibition daripada exhibition tu kita letak harga lah aa sale sikit lah kita oleh jual lah art work kita aaa masatu kita dah orang dah kenal, dah kenal, dah kenal, dari situ lah mulanya apa cabaran tu dah hilanglah aaa kita nak expose diri kita tu lah daripada introvert jadi extrovert an

**MDH:Paham,ada tak macam jadi aaa amik upah ke jadi freelance untuk drawing?**

AAL:Aaa yang tulah yang saya buat memula takde orang buat cemani an sebab kita takde kenalan an ataupun connection jadi aa memula masa saya join KL Sketch Nation [KLSN],sketch work la kita panggil, kita kan pergi satu seminggu sekali tu hari

Sabtu tu kita kan pergi Pasar Seni kita akan sketch pastu minggu depan pulak buat jadual lain buat poster apa semua kita pergi kat Sentul pulak,so daripada situ kita kenal orang,orang bagi kad an bagi kad an,ehh ohh macam tu eh pastu jaggi saya contact balik,saya contact balik semula an aaa ada nak 3D ni nak buat buat aaa gerai an aa dari situ lah ohh boleh buat so amiklah,masatu upah murah je an saya taktahu rate harga berapa an kita amiklah RM200 pun masatu dah boleh sustain lah aaa lepastu dia bagi lagi bagi lagi ada yang buat,buat board kadang-kadang ada jugak yang macam kawan-kawan dia anak orang kaya an masa takde an so dia suruh saya buat kerja dia

**SAI:Ohhh paham (Mencelah)**

**MDH:Paham (Mencelah)**

AAL:Bayar la an yang penting lantak kau la an haha(ketawa kecil) yang penting kita nak sustain tapi kita buat yang terbaik lah

**MDH:Aaaa boleh tak encik cerita tentang penglibatan encik Persatuan Sejarah Segamat,sejak bila encik sertai persatuan ni,apakah yang mendorong encik untuk sertai persatuan ini dan adakah persatuan ini ada memberi elaun kepada encik?**

AAL:Aaa okay,aa mula startnya tubuh persatuan ni dah lama tau masa aa 1947 lagi,Persatuan Sejarah Segamat ni dah tubuh 1947 lagi masatu penghulu,penghulu aaa Jementah yang tubuhkan masatu dalam Society Malaysia masatu,masatu Persatuan Sejarah Malaysia dah tertubuh lama pastu baru dia buat kecik-kecik an setiap daerah eh setiap negeri dia ada daerah persatuan dia sendiri jadi masatu Penghulu Puntong Bin Lajim yang tubuhkan ni bersama orang Jementah lah sewaktu ada isu dengan politik masa zaman tu aaa masatu dia nak kumpulkan balik semua orang-orang Segamat ni supaya nak dipisahkan Johor dengan Segamat,saya ada surat tu an tu antara tragedi jugak zaman tu an,sebab dia ada isu antara sultan dengan tu jadi masatu dah ditubuhkan Persatuan Sejarah Segamat ni untuk dapatkan sokongan.Jadi aaa sampailah 2000 eh 1980,arwah Cikgu Hj Jiman bin Abd

Ghani ditubuhkan pulak lagi hidupkan lagi semula hidupkan lagi semula dengan rekod-rekod salahsilah masatu,dimulakan dengan rekod salahsilah keluarga orang Segamat sebabtu Segamat ni ada rekod salahsilah yang sangat kuat,sebab Cikgu arwah Abdul Ghani ni dia dah rekodkan.Jadi lepastu drag lagi ke tahun 1995 Cikgu arwah Ungku Mohd Zaman yang buat buku Sejarah Segamat dan mitos bahagian 1 dan bahagian 2 tu so dia tubuhkan,masatu dia kerja dengan Yayasan Warisan Johor,jadi dia tubuhkan dia tubuhkan hidupkan balik semula rekod buat buku pesemua so tetiba ada rekod nanti dia meninggal,dia meninggal tak silap dalam 2005 macamtu lepastu dah takde siapa penyambung.Pastu sampailah aa tahun 2013 tu lah masatu saya sambung diploma tu,dah nak hujung aa dah nak hujung diploma tu,aaa saya ingat lagi masatu ayah saya bagi buku yang tulah buku bukan yang bahagian kedua eh yang kedua yang kedua pastu saya baru tahu ohh Segamat ada buku,baru tahu an selama kita terlibat dalam bidang saya kita ada banyak buat kajian pasal bandar-bandar an dan kita buat kajian kat Bandar Ipoh jadi ,kita banyak lah tahu sejarah di negeri-negeri lain an pekan-pekan lain jadi kita terlepas aa sejarah negeri apa tempat sendiri tu an jadi masa ayah saya bagi buku tu,saya ishh asal tak buat ah,an pastu baca-baca balik an baca buku tu malam tu sampai ke pagi baca je satu buku tu habis pastu buat nota kat belah mana malam tu jugak.Besok pagi tu keluar dengan ayah,ayah bawak pegi apa pegi jumpa orang lama orang lama an,dari situ sikit-sikit kita berkembang macam mana nak belajar bertanya soalan macam mana nak belajar dapatkan data pesemua tu an,kenal orang macam mana,okay dari situ saya dapat info banyak saya tubuhkan pulak aaa group Facebook,sebab masatu pikir macam mana nak dapatkan lagi banyak ah tanpa pegi jumpa orang an jadi tubuhkan group Facebook tahun tu 2014,2014 tubuhkan Facebook pastu dah sikit ramai orang masuk an pastu kita masukkan data sikit yang kita ada an orang dah ramai masuk,sekarang dah 11 eh dekat 12k la an jadi dari situ lah start sikit-sikit sampailah tahun 2019.2019 DO aaa Cik Abdul Salleh Bin Abdul Rahman dapat tahu yang kita ada group yang buat persatuan ni an jadi dia nak tubuhkan properly betullah berdaftar so didaftarkan lah tahun 2019 tu kita buat mesyuarat dengan pajabat daerah ditubuhkan sampai sekarang ni lah.Masatu la saya start masuk Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat tahun 2019 lah masatu sebelum covid,jadi lepas covid kita down balik,sampai sekarang dah naik sikit-sikit kot aa macam tu lah,lepastu yang mendorong saya untuk masuk persatuan ni sebab kita tahu lah sebab dari situ kita dapat sokongan macam geran,geran penyelidikan an sebab kalau kita takde buat persatuan susah nak dapatkan geran penyelidikan an jadi kita mengharapkan geran je sebab kita oleh datangkan untung sebab buat NGO ni dia tak boleh datangkan untung,kita kena ada geran kita ada

research an kita dapat daripada Umno ke BN ke PH ke mana-mana an macam universiti ke untuk bagi geran kita buat penyelidikan untuk dapatkan data tu untuk bagi kepada mereka semua lah. Bila elaun ni memang takde lagi lah, memang guna duit sendiri, yang saya ingat first untuk saya dapat data saya guna duit PTPTN eh bukan duit aa Yayasan Pelajaran Johor, YPJ aa saya guna duit YPJ sebab YPJ masuk aa sara diri aa RM2500, saya guna kan RM500 tu untuk beli data lah, beli data maksudnya pergi ke arkib buat salinan itu lah duit minyak itu lah jumpa orang sebab jumpa orang kita ada beli buah tangan, bagi dia buah tangan an, kadang-kadang bila kita pergi balik ohh dia dah frame lukisan kita itu dah macam sagu hati lah, bila tengok dah sangkut kat rumah dia tu an macam uishhh menarik an kita rasa lah tu lah pada awal.

**MDH: Yang pasal keuntungan tu aaa macam mana persatuan yang berdaftar tu membuat keuntungan ?**

AAL: Kalau nak dari segi untung memang tak boleh dibuat, takleh nak buat sebab dari segi untung tu aa macam mana kita buat kita tarik kita punya sendiri lah jadi saya buat SSM saya ada buat SSM. Nama kita dah kenal sebab kita Persatuan Sejarah Segamat an tapi kita buat SSM saya daftar sendiri lah saya daftar sendiri, ahli group lain pun ada jugak buat SSM macam ada yang Encik Fauzi dia buat dron, servis dron so kita akan register by SSM tu lah kalau dia ada nak guna khidmat tu la an aa macam yang baru-baru ni kita ada buat FGD Focus Group and Discussion untuk aa Rancangan Tempatan Daerah dengan Rancangan Tempatan Khas untuk Bandar Segamat an jadi ada lah macam aa developer ke datang ataupun consultant yang datang macam arkitek ke atau planner dia datang nak maklumat kita sebab dia nak buat documentation so dia perlu maklumat kita kalau dia nak buat maklumat tak sempat an jadi dia kena bayar lah so daripada bayar tu kita akan guna Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat sebagai sumber tetapi dalam invoice dia kena letak kita punya SSM lah. Haa sebab kita takleh letak kat NGO, NGO adalah Non-Government Profit takleh buat untung aaa.

**SAI: Okay cik so kita ke next soalan, yang lagi lebih detail untuk Segamat tajuk kita. So aa soalan yang pertama apakah pandangan umum encik mengenai Segamat dan adakah encik setuju kalau kami melabelkan Segamat sebagai bandar yang kaya dengan buah-buahan khususnya buah durian ataupun ada hidden germs yang kita orang tak tahu dan dapat tahu dari encik**

AAL:Okay baik,kalau dari pandangan saya daripada awal eh daripada sejarah sebab saya prefer daripada sejarah dulu pastu daripada tengah sampai lah sekarang ni lah. So daripada awal memang focus aaa Segamat masatu untuk apa pandangan saya untuk Segamat ni lah memang pertanian lah sebab masatu pertanian memang hebat lah biasanya kat Segamat kebanyakannya tempat lah tapi macam mana pertanian tu nak berkembang zaman sekarang tu yang orang tak dapat nak buat,dia rasa macam pertanian tu macam ke belakang,pertanian tu sekarang dah jadi macam food security an makanan dah makin kurang.Baru orang aa alert balik kan benda tu,okay tu pandangan saya lepastu Segamat kena ada buat daerah pertanian tetapi Segamat masih daerah pertanian lagi dia masih daerah pertanian cuma pertanian tu dia dah terlalu komersial terlalu banyak macam sawit,getah aa dia terlalu komersial jadi isu dia yang ada saya nampak pandangan Segamat ni dari segi ni lah pertanian ni dia dah hilang tau semua macam aaa buah-buahan tempatan dia tu dah berkurangan sebab orang dah tebang pokok untuk tanam sawit,tanam getah kan aa masatu kita dah kehilangan banyak lah pokok-pokok pertanian yang macam pokok kapeh apa semua ni an dah kena tebang kan,padahal pokok kapeh tu sempena nama sungai kapeh tu kan tapi bila cari pokok kapeh tu dah takde sebab masatu dia dah buat tu an.Okay tu pandangan saya.Pastu bila masuknya jalan raya ni Segamat dah mula membangun masatu tahun 1980 la,masatu rancangan Malaysia untuk naikkan bandar-bandar kecil yang terpencil ni kan dengan buat jalan raya jadi masatu tu Segamat di dah jadi sempadan lah dia ada Melaka dia ada Pahang dia ada Negeri Sembilan dia jadi sempadan tiga negeri la.Jadi masatu aa memang laluan nak ke Kuala Lumpur daripada Singapore nak pagi Kuala Lumpur memang melalui Segamat masatu la Segamat membangun masatu highway takde lagi.Masatu la Segamat digelar sempadan tiga negeri la.Masatu sungai pun dah jadi pertemuan,zaman-zaman Temenggong Muar tu semua dah jadi pertemuan dah.Masatu orang dah berkawin dah,orang Terengganu kahwin dengan orang Pahang tapi kat Segamat aa orang Segamat kahwin dengan orang Pahang,orang Segamat kahwin dengan Orang Negeri Sembilan,dia dah bercampur kat situ,jadi saya boleh katakan Segamat ni dah daripada awal dulu sebagai pertembungan lah aa dia dah pertembungan saya boleh cakap Segamat ni sempadan tiga negeri la.Ada orang kata Tangkak tapi bila bila kita rujuk balik,kebanyakan Tangkak banyak bugis,bugis ni susah nak dengan bangsa lain suku-suku lain.Jadi Segamat ni dia banyak dia tak kesah dia ada suku Negeri Sembilan ada dia dah bergabung pastu ada orang Pahang la pastu ada orang Terengganu pulak buat rumah dia aa jadi bila



saya guna pandangan saya ni Segamat tiga dewi tu yang dia menarik tapi macam mana sekarang ni kita nak tarik balik pelabur-pelabur ni supaya berlabur dari segi pertanian an semua an tapi memang saya mengharapkan Segamat ni sebagai daerah pertanian lah tapi pertanian yang macam mana tu yang kita perlu kaji betul lah,jangan pertanian sawit semua kan at the end nanti dia takleh nak buat apa la pelancongan pun tak boleh sangat makanan pun tak pelbagai haa tu lah saya punya pandangan.

**SAI:So aa yang kedua aa pada pendapat encik siapakah perintis bagi nama Segamat,apakah kisah disebalik nama Segamat tu,tahun bila atau serba aa encik boleh cakap apa pasal latar belakang Segamat la**

AAL:Okay aa Segamat ditubuhkan tahun 1511,seribu lima ratus sebelas masatu Melaka di serang Portugis la jadi Bendahara Tepok ataupun Bendahara Tun Hamzah.Bendahara Tun Hamzah ni masih dalam kajian lagi lah sebab kita taktahu nama sebenar dia ada yang panggil Bendahara Tepok ada yang panggil Bendahara Tun Paduka Tuan atau pun ada yang panggil Tun Pikrama so dia ada gelaran ni lah.Jadi aaa masa dia di serang masatu dia dah dah kena penyakit lumpuh,dia dah kena serangan penyakit lumpuh lah,masa dia kena serang tu dikatakan aaa Bendahara Tepok ni gigi pun dah takde lah,ini berdasarkan manuskrip Tun Sri Lanang lah,memang dah tua betul sebab dia banyak makan sirih,ni yang Tun Sri Lanang tulislah dalam manuskrip aaa sulatus salatin jadi dikatakan aaa waktu dia dah umur 80 lebih dah,86 macam tu lah dia memang dah tua sangat lah,jadi masa diserang tu Silamang Gagah tandu la bawak dia dengan gajah pesemua pegi ikot dari Melaka tu ke belakang lah masuk hutan semua jadi sampai lah ke Jementah di Ulu Belubang lah,kajian Ulu Belubang ni kajian aaa kajian R.O Winstedt lah General Advisor Johor dia kaji tahun 1932 so orang kampung yang lebih tahu yang Bendahara Tepok ni dia berlari mengikot Bukit Berlubang ataupun Batu Berlubang di Ulu Jementah aaa masatu takde rekod lagi tau jadi R.O Winstedt yang rekodkan,dia antara orang yang pertama yang rekod kana aa tapi orang Segamat tahu lah aaa cuma ia tak direkodkan lah tak ditulis,jadi yang kita dapat rekod masa jm beras lah dia buat journal so kita dapat tahu kat situ lah,jadi memang betul pun ada nama ulu eh Bukit Berlubang ni kat Ulu Jementah aaa sebab saya jumpa rekod aa Syed Syarifah,Syed Besar Taiping ni an Syed Besar Tampin aaa saya jumpa rekod ni kat Arkib Negara mengatakan yang ia sempadan antara Segamat dengan Negeri

Sembilan aaa so situ memang betul lah memang ada pun Bukit Berlubang tu memang wujud,so dia ikot sungai Jementah sampai lah ke Sungai Segamat,sampai Sungai Segamat dia berehat sebentar dia bersama Silamat Gagah dengan Hang Nadim dengan pengikut dia lah,dikatakan ada 20 orang lah dia punya pengikut dia jadi aa katanya dia masih nak berlawan dia kata dia dah tua an baik dia mati je dengan pergi je berlawan dia pun dah tua buatpe nak berlari lagi an,baik dia mati kat situ jugak tapi dibawak jugak Silamat Gagah, Hang Nadim ni. Hang Nadim ni menantu kepada Hang Tuah lah, dia kawin dengan anak Hang Tuah jadi aa dia bawak la sampai ke Segamat, sampai Segamat ni dia rehat lah, masatu Segamat ni memang takde nama lagi, takde nama lagi masatu memang hutan belantara lah jadi dia pergi ke Sungai Segamat aaa dia berehat jap dia tanya lah Silamat Gagah nama dia, ada kata Silamat Gajah dia bukan dia S I , S I L A M A T , Silamat (Gangguan Bunyi) aaa ada kata Silamat Gagah ada kata Silamat Gajah sebab dulu tulisan jawi an jadi masa dalam manuskrip tu dia tak berapa jelas antara G JA dengan GA tu, ada yang kata Silamat Gagah ada yang kata Silamat Gajah so taktahu mana satu an jadi aa dia baginya air, Bendahara Tepok mintak air jadi dia minum lah air Sungai Segamat tu pastu dia kata segar aa pastu dari peristiwa tu dia kata Segar Amat eh sebelum tu dia tanya lagi dengan Silamat Gagah, apa nama tempat ni pastu dia taktahu jadi berdasarkan apa yang dia minum tu dia kata air ni segar dia tak pernah rasa air yang segar macam ni so dia bagitahu nama tempat ni Segar Amat pastu jadi Segamat aaa daripada peristiwa tu lah tapi sebelum dia bagitahu Segamat ni dia nama kan dulu tu Lubuk Batu tu, dia namakan Lubuk Batu dulu sekarang lokasi dekat Lubuk Batu lah dekat masjid kat situ Segamat dapat nama kat Masjid Lubuk Batu tu aaa kat situ lah aa jadi tu lah peristiwa aa dapatnya nama Segamat tu lah tapi yang mengatakan aaa cerita-cerita ni an yang minum air pesemua tu itu kajian R.O Winstedt sewaktu dia buat kajian tahun 1932 tu lah dia jumpa lah dia interview dia temuramah orang-orang kampung tu aa masatu direkodkan tapi Tun Sri Lanang tak di rekodkan sebab dalam Sulatus Salatin pun dia takde tulis (Gangguan Bunyi) aa dia tulis aa Lubuk Batu Segamat dia tak tulis, dia bagitahu Bendahara Lubuk Batu je, Lubuk batu tu maksudnya dia lagi lama sebenarnya daripada Segamat aaa sebab masatu Tun Sri Lanang pun dia tulis Lubuk Batu dia tak tulis Segamat, jadi kalau bukak Sulatus Salatin dia takde tulis Segamat dia tulis Lubuk Batu aaa kemudian yang kita dapat maklumat ni dari R.O Winstedt punya kajian lah dia datang interview temuramah orang kampung lah aa dikatakan aaa asal sebelum nama Segamat ni asal nya ialah Leban Condong aa yang itu pun jadi isu sebenarnya Segamat ni asal nya sungai je dulu aaa orang tak panggil lagi macam contohnya kita daripada perahu pastu ibarat kita zaman 1700 lah contoh kita naik perahu dari Bukit Kepong kita akan cakap

Kampung Rantau Panjang kita takkan cakap aa pegi ke Segamat sebab yang asalnya adalah Sungai Segamat tapi nama tempat tu takde lagi dia panggil Segamat aa jadi daripada kajian tu yang R.O Winstedt saya dapat jumpa kajian tu yang mengatakan asal nama Segamat tu Leban Condong aaa maksudnya memang betul-betul asal nama Leban Condong sebab awalnya Segamat tak di bagi lagi nama tempat, Segamat dibagi nama untuk sungai saja melainkan kalau kita cakap lalui Sungai Segamat aaa baru kita lalui Sungai Segamat aa paham tak. Aaa jadi kena dapat pahami mana dulu sungai ke nama tempat aaa jadi yang asal nama Leban Condong tu dia kemudian aaa dia kemudian, Leban Condong tu waktu zaman Temenggong Muar lah aaa dia nama Leban Condong jadi masa dia bagi nama Leban Condong tu sempena pokok leban tu condong besar dia condong tapi bila dia dah mati baru dia bagi nama Kampung Rantau Panjang aa Kampung Rantau Panjang ni tahun tujuh belas kosong taktahu tahun tujuh belas kosong berapa yang kita tahu tahun 1707 tu dia bagi nama Leban Condong kemudian dia bagi nama Kampung Rantau Panjang lepas pokok leban tu mati sebab dulu taktahu nak bagi nama apa an pastu nampak ada pokok macam jadi sebagai mercu tanda lah pokoklah sebab nampak pokok tu menyerlahkan jadi dia bagi leban condong jadi bila pokok tu dah mati saya takde rekod lagi bila Kampung Rantau Panjang ni di namakan so Temenggong Muar ni nama kan Kampung Rantau Panjang sampai lah masuknya keretapi tahun 1909 orang dah tak panggil Kampung Rantau Panjang disebabkan papan tanda kereta api tu, perasan tak kalau kita naik keretapi dia ada tulis Segamat, Buloh Kasap pastu aa Tampin ha route tu kan ke mana ke mana utara selatan an jadi bila orang luar datang dia nampak tu Segamat bila orang nampak tu Segamat, Segamat, Segamat sampailah sekarang orang dah tak panggil Kampung Rantau Panjang dah, hilang sikit-sikit aaa hilang disebabkan papan tanda tu je, so sekarang panggil lah Bandar Segamat, itulah perubahan nama-nama.

**SAI: Aaaa lepastu aa encik aa maknanya encik dah jawab semua serba sedikit pasal Segamat jadinya aaa saya nak tanya macam mana dengan aaa penduduk terawal yang duduk di Segamat macam cara hidup mereka pastu aaa faktor ekonomi ataupun pekerjaan mereka maknanya aktiviti mereka yang terdahulu lakukan daripada pandangan encik**

AAL: Daripada awal eh masa Bendahara Tepok datang tu memang dah takde orang lah masatu hutan belantara lah jadi dikatakan Bendahara Tepok ni duduk hanya 4 tahun je di Segamat, sebab masatu dia nak susun strategi untuk aa melawan semula

Portugis ni jadi Segamat ni jadi tempat untuk sementara je lah (Gangguan Bunyi) pastu Segamat kat situ dah kosong,dia dah takde cerita dah sebab dia dah serang dia dah pegi Johor Lama an jadi masatu memang takde cerita lah jadi ruang kosong kat situ pastu sampai lah Negeri Sembila aaa amik alih aa Segamat ni lah,Segamat ni dulu bawah Negeri Sembilan,tahukan Negeri Sembilan ni ada 9 negeri an termasuk Segamat jadi sebab dikatakan kenapa Segamat ni di bawah Negeri Sembilan sebab suku-suku minang dah banyak hidup tepi sungai,sungai Muar,sungai Muar yang dalam Kawasan Segamat lah Sungai Segamat an suku Mukai,suku biduanda ni semua dia dah berselerak kat Kawasan Segamat tapi takde pemerintahan lagi masatu 1600 an pastu bila datangnya Yang Di Pertua Negeri Sembilan pulak pembesar Negeri Sembilan masatu pakai batin,ada jumpa rekod masatu Temenggong Muar pulak ambil alih sebab dia dapat hadiah mas kahwin daripada Sultan Johor lama jadi dia bagi tanah Segamat.Pastu dia memerintah lah jadi masatu ramai yang guna adat perpatih,adat perpatih dengan adat temenggong lah bila-bila masa masih boleh bergabung lagi walaupun berbeza adat an jadi dia mengamalkan adat tu aaa tu cara-cara corak budaya tu lah mengamalkan adat perpatih macam adat perpatih kan akan diserahkan kepada perempuan aa waris ha masih ada lagi,jadi bila saya interview temuramah nenek ni kan ni rumah nenek eh jadi kita memang dah nampak dah ohh ni dari dulu memang diamalkan lah cuma kita tak berapa nampak aa sampai sekarang yang kita tak nampak adalah bila kita nak kahwin kita kena tanya Tok Batin dulu sekarang takde dah tapi sebelum tu ada kita nak kahwin dengan orang tu kita kena tanya dulu Tok Batin an walaupun tu bukan,bukan keluarga ke apa an tapi kalau ikot salahsilah masih sama lah cuma dah terlalu jauh lah tapi kena mintak jugak tu kira adat lah,Melaka masih amalkan lagi lah sini Segamat dah takde lagi dah jadi aaa masatu saya nampak dia last berakhir adat tu masa tahun 1970 an masatu Segamat dah mula maju lah.So dia dah tinggalkan sikit-sikit aa adat-adat ni aa daripada situ lah dah makin berkurangan haa tu je.

**SAI:Aaa seterusnya,aaa macam yang kita tahu setiap daerah dia ada bendera macam Segamat lah,so boleh tahu tak apa maksud disebalik bendera Segamat.**

AAL:Asal sebenarnya Johor dia ada bendera Johor Bahru,bendera Muar,bendera Batu Pahat dan juga Endau.Bendera Segamat yang sekarang ni kita pinjam daripada Endau aa kita pinjam tapi bila mula kita pinjam tapi bila kita baca balik surat-menyerat yang kita jumpa di Arkib Johor,rupanya bukan kita pinjam memang dia

guna pakai terus aaa biasa bila kita pinjam kita kena pulang jadi bila kita baca balik eh tak memang diserahkan bendera tu jadi tu yang sekarang Endau dia buat bendera baru dia takde bendera dulu jadi bendera ni melambangkan ada Pesuruhanjaya Kerajaan, Pesuruhanjaya Kerajaan ni dia ibarat macam aaa pegawai daerah lah sekarang aaa pegawai daerah lah sekarang tapi sekarang Pesuruhanjaya Kerajaan ni dah takde lagi dia dah di panggil Yang Di Pertua aa macam Majlis Perbandaran Segamat haa tu lah jadi aa dua tu lah yang melambangkan hidupnya ekonomi besar dalam negeri Johor, jadi Muar, Batu Pahat, Johor Bahru, Endau pun masatu dia tengah hebat sampaikan satu masa tu Endau ni tak boleh nak maju jadi aa banyakkemajuan ni dah ditarik ke Segamat disebabkan laluan keretapi tu jadi cukai ada banyakkah, estet-estet ni bayar cukai jadi aa Dato Abdullah bin Esa ni dia pertama Pesuruhanjaya Kerajaan Segamat yang pertama dilantik ditanya sama ada nak buat bendera atau tidak (Gangguan Bunyi) kepada kerajaan Negeri Johor kan pastu SUK bagi tahu aa pakai je bendera Endau tu. Dia buat surat kepada pesuruhjaya Endau jap sebelum tu Dato Abdullah Esa ni dia pesuruhjaya Endau jadi bila dia pindah sana jadi amik je lah aa bendera tu jadi pakai lah bendera tu dia macam bulan bintang apa semua tu aa kita boleh nampak aa macam Muar, hitam, merah, kuning an aa cuma yang sekarang ni saya tak dapat maklumat yang sama ada sapa yang tubuhkan aa cipta bendera ni an cuma yang kita dapat tahu secara lisanlah Awang, pegawai daerah Endau sebelum ni Awang aa jadi macam aa bendera bulan bintang melambangkan agama islam sebagai agama rasmi, bintang pecah lima sebagai tanda perpaduan dan sepakat penduduk daerah Segamat, warna kuning melambatkan taat dan setia dibawah naungan kedaulatan raja, warna putih suci hati ikhlas serta kejujuran penduduk di daerah Segamat, jadi warna merah maksud keberanian dan kekuatan. Jadi yang saya dapat maklumat ni berdasarkan pejabat daerah sebab dia takde rekod awal tu sebab yang dia bagitahu ni yang baru jadi dia inprestasi dari segi dia punya sendiri memang baru sebab kita takde rekod yang awal tu macam warna kuning tu kan, mungkin ada rekod tapi tak jumpa lagi. Ha tu la yang saya boleh bagi maklumat pasal bendera.

**SAI: Sebelum saya pass segmen seterusnya untuk Danniell, kemudian saya nak tanya soalan terakhir daripada saya, nak tanyalah untuk segmen ni pandangan encik tentang kan encik ada sebut pasal adat dekat segamat, jadinya pandangan encik, adat tu macam yelah contoh kita kahwin pun ada adat apa adat kan adakah kita perlu ikut**

**terlampau ikut ataupun kita just ini boleh ambik ini tak perlu kot aa sebab macam mana?**

AAL: oh faham-faham betul-betul aa saya setuju keperluan adat tu bila kita rasa mende tu aa kita kekangan dekat kita takyah pun ikut tapi kalau kita rasa nak amalkan untuk memasyhurkan apa aa budaya tu silaturrahim sebab pada saya adat ni untuk mengeratkan silaturrahim sebenarnya tapi yelah kita tak kita tak tahu aa isu disebalik kaum keluarga ni kan jadinya mungkin aa adat itu akan membebankan dia jadi tak perlu ikutlah ikut mana yang agama islam ajarlah aa yang itu saya punya pandangan lah tapi kalau nak nak mengimarahkan silaturrahim tu memang adat itu sendiri sebenarnya aa adat tu sendiri

**SAI: Sebab yelah kalau kita nak touch pasal adat dia satu mende yang sangat sensitive**

AAL: Contoh?

**SAI: Contoh kalau adat contoh kalau kahwin takde certain-certain adat yang dalam untuk kahwin tu aa macam kenapa tak buat kenapa tak buat aa dia dia macam benda tu pun boleh timbulkan satu benda yang isu**

AAL: aa faham-faham betul-betul itupun ada isu jugak aa masa saya buat kajian aa rumah-rumah Limas di Segamat kebanyakan rumah- rumah lama di Segamat ni dibuat pakai adat ah sebabtu dia perlukan tok batin tok bomoh ah untuk baca untuk dapatkan tangkal en kat mana yang sesuai buat rumah kat mana yang tak sesuai en dan dari segi tu saya dapat dapat dapat aa dapat maklumat daripada Arkib Johor tahun 1932 aa daripada kadi daripada Mufti Johor hantar surat kepada kadi di Segamat mengatakan yang di Segamat kuat dengan pegangan aa apa adat ni sampaikan aa nak tanam padi pun panggil bomoh ha nak tanam padi en haa dulu Segamat ada padi mungkin ada certain-certain bacaan dia ah hari-hari dia en tahun ni tak boleh tanam tahun ni tak boleh tanam ha dia memang percaya dengan adat ha patutnya boleh tanam tu dengan percaya pada adat tu ha patutnya boleh tanam

bukan sebabkan adat tu tapi sebabkan faktor cuaca ke apa kan ha dia kat situ yang aa mufti ni supaya bagi dakwah ah so zaman 32 tu aa kebanyakan aa imam-imam dah mula dakwah orang-orang kampung ah supaya tidak tak perlu amalkan adat-adat ni lagi aa ubah pandangan sampailah berakhir tu takde lagi lah kita jumpa sampai ke padi pun kita tak jumpa dah kat Segamat.

**MDH: Even sekarang dah takde lah segala adat yang zaman dulu tu ditukarkan**

AAL: Takde dah takde dah sebabkan ada surat penyata tu lah kita dapat tahu sikit-sikit ha macam dulu kita panggil aa mandi mandi Safar, mandi Safar ni banyak di apa Pengkalan Esah lah Pengkalan Esah tu dekat bandar tu kat jambatan kedua sekarang tu kalau orang Kampung Rantau Panjanglah Bandar Segamat sekarang kalau orang Lubok Batu di belakang masjid tu dia ada lubang Sungai Segamat tu so dia akan mandi Safar kat situ untuk buang bala jadi orang Segamat masih amalkan jadi kalau orang kampung yang tidak duduk dekat dengan sungai macam keluarga budak-budak kecik-kecik perempuan dia buat kat rumah, sebabtu kalau kita pergi rumah Segamat, kita akan jumpa banyak kolah sampai ada tiga kolah depan tepi dengan belakang so kolah ni dia akan buat tangkal baca bomoh ah baca kan buang dalam tu so mandi dengan air tu sekali tu guna kolah tu ha dia mandi dengan tangkal tu sekali buang bala kan ha jadi adat tu sikit-sikit perlahan sampaikan bila dah ubah sampaikan kolah pun kita tak jumpa dah kena pecah hahahah (ketawa) patutnya dia kekalkan kolah untuk tanaman apa pokok ke an jenis yang bela ikan ke an itulah sikit-sikit perubahan adat tu kan dia hilang bukan setakat adat je hilang dengan bende-bende tu sekali hilang.

**MDH: Ha saya ada pertambahan soalan yang berkaitan dengan Segamat, adakah pengaruh Islam sewaktu itu kuat?**

AAL: Pengaruh hm tak kuat ha sampai yang kalau nak katakan Bendahara Tepok tahun 1511 tu kita jumpa yang paling awal lah batu nisan Aceh tu en yang tu memang Islam ah lepastu kita jumpa lagi kubur-kubur orang Asli ha maksudnya orang Asli dah Islam ah sebab dia pakai batu sungai tu so dah Islam lah cuma cara

dia mengamalkan praktik secara Islam sebetulnya kita kita tak tahu tapi boleh katakan berdasarkan yang surat yang 1932 tu dia masih mengamalkan adat tu... (mencelah oooo) yang mengatakan dia ada sedikit Islam dia ada sedikit aa apa campur aduk dengan adat jadi dia ada kekeliruan kat situ en jadi yang macam yang saya jumpa mantera-mantera ni en arwah Cikgu Hasan Mohammad dia ada buat buku adat resam Melayu Segamat dia ada buat buku tu dia pernah jumpa manuskrip-manuskrip orang bomoh-bomoh lama ni en apa Tok Bidan- tok bidan ni en dia kumpulkan aa mantera-mantera tu dalam buku dia tapi tak tahu mana manuskrip tu mungkin dah buang apa en tapi dia dapat kumpul dia taip balik so banyak ah dia kata mantera macam mana memikat macam mana sembuhkan mata macam-macam mantera tapi bila kita macam mantera tu rupanya diaorang ada gabungkan bila baca awal hanya Allah s.w.t Rasulullah eh ada dia combinekan Rasulullah dengan Muhammad tu en dengan Allah tu tapi masuk tengah dah dah ayat mantera... (mencelah ooo dah lain eh) dia dah bergabung dia masih mengatakan yang dia bersandarkan kepada Allah tapi dia gunakan mantera tu sebagai dia punya ubat macam dia doa campur... (mencelah dia dia macam belum menyeluruh tak fully tak fully digunakan) ha betul ha betul dia tak betul-betul penuh mengamalkan yang percaya kepada Islam tu en apa semua tu en ha ha.

**MDH: Haa berkaitan dengan corak pentadbiran, bagaimana corak pentadbiran di awal pembukaan Segamat?**

AAL: Haa corak awal haa dia dilantik haa berdasarkan Temenggung Muar lah Temenggung Muar ni dilantik oleh Sultan Johor Sultan Johor lama haa Sultan Mahmud haa Sultan Mahmud ke berapa saya tak ingat tapi Sultan Johor yang lama ah dia lantik Temenggung Muar ni jadi Temenggung Muar ni lantik pulak empat penghulu Penghulu Dagang, Penghulu Mungkal penghulu saya tak ingat lah tapi dia ada empat penghulu jadi penghulu ni dilantik berdasarkan suku-suku yang ada di dalam Kawasan Segamat lah sebab dia tahu orang suku ni je yang boleh kawal... (mencelah handle-handle orang kampung dia) hahaha (ketawa) orang ni en orang kampung ni jadi haa dia lantik lah berdasarkan tu lah lepastu jadi setiap kampung tu pulak ada batin-batin...(mencelah hmm hmm) ha itu awal lah soalan dia awal eh...(mencelah haah awal) yang itulah corak yang awal.



**MDH: Haa adakah sektor ekonomi masyarakat awal di Segamat adalah hanya berdasarkan sektor pertanian?**

AAL: emm tu yang pada awal eh? ...(mencelah haah pada awal) Betul kalau pada awal memang sektor pertanian lah lepastu sampailah orang Cina masuk ke Segamat haa sistem kangkar...(mencelah hmm hmm sistem kangkar) tahun 1886 masa tu kangkar yang pertama kat kawasan daerah Segamat di Buloh Kasap kat situ dia buat kangkar pertama masa tu dah komersial ekonomi tengah naik lah gambir, lada hitam semua tu tapi sekarang ada masih ada haa YB Azhari sekarang ada cuba nak usaha tanam semula...(mencelah ooo tanam semula) haa gam haa lada hitam kat Segamat berdasarkan ekonomi yang maksudnya kita dapat tahu tanah tu subur haa tanaman tanaman itu sebab orang dulu dah dah amalkan Cuma kita terlepas pandang mungkin kita rasa tak sesuai kita tanam baru tapi sebenarnya itu lah dia tapi macam mana nak bawa dia yang lama tu ke baru itu yang kita taktahu kita tak tak nilai dari segi itu jadi haa memang awal memang pertanian lah macam orang melayu haa jual rotan haa buloh di Bukit Kepong dia akan naik perahu sampan dia akan jual disana masa tu Bukit Kepong ibarat macang tempat pekan paling besar lah...(mencelah hmm hmm) Bukit Kepong ni...(mencelah perdagangan) perdagangan haa semua akan tumpu ke situ sebabtu haa kat haa sekarang kalau kita pergi Bukit Kepong takde amende en hahahha (ketawa) Bukit Kepong tu dulu memang besar lah sebenarnya tempat dia haa dengan ekonomi pertaniannya apa semua kan macam durian apa semua sekarang pun dulu orang tak haa tak jual durian yang masa macam sebab saya baca buku berdasarkan arwah Cikgu Aziman Abdul Ghani dalam buku diari dia orang dulu orang Segamat dulu tak jual buah durian sebab durian tu bila dia dapat dia akan bagi keluarga...(mencelah oooo) dia bagi ni sikit keluarga dia tak dia tak jual sampailah kita masuk kemajuan tahun 70 80 an en ha ada lah start buka ladang durian sebab kita dapat tahu yang tanah Segamat ni dipanggil Segamat Series...(mencelah hmm hmm) tanah dia warna merah melekit haa susah nak jumpa kat mana-mana tempat dan tanah ni sesuai untuk tanaman durian dia macam ada volcano tau daripada Buloh Kasap sampai ke Pahang dia bawa sebabtu kat Bentong, Raub banyak durian en sebab tanah tu dia bawak ke sana...(mencelah hmm hmm) kat area situ je jadi haa masa tu kita dapat tahu kajian tu yang masa tu haa dah komersial tanam durian apa jual durian musang king apa dah macam-macam en...(mencelah sebab dah nampak chances) hmm betul tapi kalau yang betul saya tengok orang Segamat pun kebanyakan dapat durian pun masih ramai lagi akan bagi keluarga dulu haa dia tak dia tak akan jual haa bila nak jual eh dah habis hahaha

(ketawa) kebun dah tinggal berapa je en haa memang memang saya setuju memang dari pandangan awal saya pun kebanyakan Kawasan Segamat memang sesuai dengan pertanian lah.

**MDH: So macam sektor ekonomi yang sekarang ni apakah sektor ekonomi yang utama?**

AAL: Sektor ekonomi utama adalah masa Tun Abdul Razak buka ladang sawit ah Felda en dengan Felcra start masa tu Segamat mula membangun sampai sekarang pun haa orang yang di luar bandar tu pun orang yang jual kedai-kedai makan kan dia memang mengharapkan orang Felda hah(ketawa) ni sebab orang Felda ni bila dia datang ke bandar Segamat ni dia akan beli banyak dia akan borong banyak dia akan makan di bandar apa semua bila kita tanya orang-orang yang berniaga memang dia mengharapkan orang Felda haa orang Felda ni yang tu lah bila ekonomi besar Segamat ni sekarang memang sawit ah haa cuma getah tu tak nampak lagi sebab dia buat sektor kecil en dia yang pecah-pecah tapi kalau pedalaman dia besar en dia ada haa tumbuhan sendiri kan dia ada jabatan dia sendiri haa jadi dia nampak besar macam kilang tak tak berapa nampak sangat lah kilang tak berapa nampak sangat...(mencelah jadi kilang nombor dua ah) ha yes kilang nombor dua tapi kilang jenis apa tu haa tak tak tahu lagi takde data tu lagi lah maksudnya kilang buat perabot ke tak tahu lah cuma yang kita nampak sekarang yang paling besar kat ajiya lah kat jalan nak pergi Genuang ke Kemelah tu ada kilang ajiya dia buat haa apa dia buat LED apa-apa mende elektronik eh...(mencelah ooo elektronik device eh) haa haa dengan dia buat bumbung dia dia ada banyak ah dia ada buat bumbung bumbung rumah kan ajiya atap tu en so kat situ jela kita nampak kilang yang ada lah kalau yang belah-belah luar kebanyakannya ayam lah proses ayam hahah(ketawa) yang tu dalam-dalam kawasan-kawasan sawit lah banyak ah ayam dia banyak dalam kawasan sawit hahaha(ketawa) tapi bila musim dia bau naik ah itu ekonomi besar yang kita nampak lah sekarang lah sekarang.

**MDH: Ada tak aaa apa-apa peristiwa penting atau detik yang bersejarah di Segamat?**

AAL: Awal ke aaa...(mencelah awal) yang awal tu ah detik bersejarah tula aaa nama Segamat tu en dia dapat nama sebab kalau ikutkan kita ada jugak saya cadang untuk buat peristiwa sambutan untuk hari kemerdekaan an tapi aa yang masa Bendahara Tepok buat datang ke Segamat dikatakan tahun Disember bulan 12 em bulan Disember bulan 12 jadi ada peristiwa lagi besar adalah aaa masa nak merasmikan bandar Segamat jadi kita ada cuba nak buat sambutan 100 tahun en tapi sebenarnya dah lebih dah bandar Segamat dah lebih 100 tahun aa dia tahun 1921 aa kita nak buat sambutan tu ah 1921 aa untuk hari kemerdekaan kita nak buat peristiwa aa sambutan kemerdekaan dengan sambutan 100 tahun tu ah tapi takde lagi cadangan tu kan cuma yelah cadangan jelah...(mencelah belum jadi lagi lah) haa tapi tu lah peristiwa besar tapi mungkin peristiwa ni aaa dia berlaku zaman tu je lah orang yang hidup zaman tu an dia je yang merasa zaman tu an so zaman sekarang ni diaorang generasi atok-atok kita ni dia rasa peristiwa besar adalah masa askar Jepun tu haa dia terasa yang aaa serangan Jepun tu peristiwa besar lah tapi kalau tarik hahaha (ketawa kecil) zaman sekarang ni peristiwa adalah Covid...(mencelah ooo generasi muda Covid) orang akan cerita dulu bandar Segamat kosong takde orang tu zaman sekarang punya peristiwa besar lah so dia berperingkat mengikut orang yang ada zaman tu haa saya takleh tak boleh nak bagitau spesifik bandar Segamat ni peristiwa dia apa yang paling sebab dia individu lain-lain lain perasaan lain rasa kan.

**MDH: aaa kita beralih ke segmen yang (bunyi kerusi) seterusnya iaitu tentang Segamat baru so apakah persepi encik terhadap pembangunan Segamat baru?**

AAL: Yang sekarang ke... (mencelah ya sekarang) yang sekarang yang saya nampak dia tiada kawalan dari segi aaa antara kampung dengan taman dia takde kawalan dari segi tu sekarang yang isu yang saya boleh nampak pandangan saya aaa ada kampung aaa kampung aa apa nama kampung tu paya Paya Luas ha Kampung Paya Luas tu dia dah nak bercantum dengan Bandar IOI jadi system orang kampung dengan system orang taman berbeza...(mencelah ha berbeza) heheh(ketawa kecil) sebab kadang-kadang dia ada laman yang luas jadi orang yang taman ni pulak dia kereta banyak dia parking je...(mencelah dia parking dekat orang ramai) jadi isu-isu ni yang yang saya Nampak yang sepatutnya perancang bandar kena kena tengok cara corak pembangunan apa sebab Segamat baru ni dia bermula

dengan estet awal dia mula dengan estet jadi pada awal estet getah dia tanam aaa dia buat aaa ape taman dia buat taman dia buat taman habis getah hilang sikit sikit dia bawa pulak ke ke IOI ah sebab Segamat baru dengan IOI ni dia dia cantum dia dah bercantum jadi dia takde betul-betul garis panduan sama ada macam mana kampung yang sentiasa dia ada tu dekat dengan taman tu jadi yang estet yang lama ni dah roboh dah dia dah buat sekarang ni Jalan Nagasari tu ah hmm tapi kalau Segamat baru ni ditubuhkan tahun haa 1990 ha macam tu ah dia ditubuhkan tapi kalau tanah tu sendiri dibangunkan tahun 1906 masa tu ha tahun 1906 masa tu aaa kerajaan Negeri Johor nak bangunkan Segamat dengan buat tanaman getah jadi pokok ni semua tebang sebab masa tu kereta api dah nak masuk jadi kereta api sebagai pengangkutan jadi mana barang-barang getah ni naik kereta api bawa pergi Singapore semua hasil bawa hahaha(ketawa kecil) pergi Singapore sebab masa tu aaa apa banyakkkan perdagangan semua kat sana en aaa apa dia punya port semua kat sana en semua dia bawa yang tu apa yang saya boleh bagi maklumat...(mencelah so secara tak langsung memang ia dapat tingkatkan sektor ekonomi) emm betul emm tapi kalau boleh kita kita nak naikkan sector ekonomi secara menyeluruh ah maksudnya win-win situation orang kampung pun nak selesa orang bandar pun selesa ni diaorang bila ekonomi naik tapi orang yang duduk dalam tu tak selesa pun takde apa pun...(mencelah betul)

**MDH: Aaa sebelum pembangunan Segamat baru apakah asal usul kawasan itu  
Kawasan estet?**

AAL: Haa betul Kawasan estet masa tu bawah aaa ape Melur Peninsular Rubble Cocation ha masa tu bawah kerajaan Negeri Johor lah tapi dia punya pelabor orang eropah haa tahun 1906 tu ah masa tu dia bawah orang Jawa, aaa Jawa orang Tamil, orang Melayu, orang Cina orang Cina masa tu 100 tahun ah eh 100 orang 250 orang ni orang Tamil Melayu 150 ah ha tapi Melayu ni sebenarnya orang Jawa tapi British dia tak tahu beza Jawa dengan Melayu ni en dia katanya orang Melayu sebab masa saya interview dengan aaa bukan saya jumpa orang interview surat dia tu masa dengan Penghulu Melanin ni Penghulu Kampung Jawa ah Segamat ah dia katakan masa tu ah aaa orang British ambik pekerja Jawa ni bawa masuk ke Segamat untuk aaa sebagai buruh ah buruh aaa apa ni aaa getah tu haa tu awal asal aaa macam mana Segamat baru ni dia boleh dibangunkan sebab dia mudah sebab lot dia tu besar daripada sungai Segamat tu daripada jambatan Genuang tu jambatan pertama

Segamat tu tarik sampai Segamat baru sepanjang betul semua tanah Segamat baru estet ni la maksudnya ha jadi dia nak nak bangunkan senang so dia tak perlu jumpa orang kampung nak robohkan rumah ni nak kena bayar pampasan kat orang kampung jadi sebab tu kita boleh nampak laluan kereta api tu sebelah sana taman sebelah sini kampung perasan tak haa dia berbeza kat situ haa sebab belah sini kampung Pogoh sebab kampung Pogoh dah lama en sebelah sini estet ha kita nampak berbeza en ni taman sini taman sini kampung sebab kampung susah nak bangun sebab nak kena wasiat apa semua nak kena selesai isi tanah sebabtu Segamat baru ni boleh bangun dengan mudah termasuk IOI ah sekali ha macamtu ah macam mana Segamat baru dibangunkan.

**MDH: Aaa siapakah tokoh yang merasmikan pembukaan Segamat baru?**

AAL: Segamat baru ni dia takde tokoh yang rasmikan sebab dia bukan awal untuk bangunkan bandar apa bandar yang apa yang baru lah macam macam Putrajaya ha tak dia bukan macam tu sebab Segamat baru ni dia bangun secara sikit-sikit ah secara organik ah orang kata...(mencelah macam pecahan daripada Segamat) ha betul lepastu dia pindahkan sikit macam pejabat daerah pejabat daerah dulu duduk kat Batu Hampar sekarang dah jadi rest house en ha sebelum tu pejabat daerah duduk kat situ dia takde bangunan dia jadi masa masa nak nak bangunkan Segamat baru tu baru dia dapat peruntukan daripada kerajaan negeri buat pejabat daerah baru bangunan betul-betul ah bangunan sendiri kat kat jalan Genuang tu kat Segamat baru tu ha dari situ sikit-sikit ah develop mahkamah pun pindah situ perpustakaan Segamat pun pindah situ padang pun pindah situ ha sikit-sikit sebab dulu ada cadangan nak buat Segamat baru tu yang dia panggil Segamat baru sebab cadangan dia Segamat baru ni nak nak develop untuk macam buat macam Cyberjaya Putrajaya ah maksudnya macam sekarang Pahang buat apa Kotasas en...(mencelah emm Kotasas) macamtu lah contohnya Segamat baru ni tapi dia tak dia tak menjadi last last dia jadi perumahan dia jadi macam taman...(mencelah dia macam dah bercampur) ha dia macam campur sebab dari awal tu rancangan tu tak tak susun dengan betul jadi dia dah ekonomi naik jadi dia dah campur aduk dia dah tak betul-betul tersusun dia punya corak penempatan dia tu isu dia kat situ ah sebab orang yang masatu zaman Mahathir ah tu zaman masa tu zaman Mahathir ha Menteri kewangan pun Anwar Ibrahim an saya tak ingat rancangan Malaysia

rancangan khas ke berapa tak ingat jadi masa tu ah dapat peruntukkan tu nak bangunkan Segamat ni tapi last ekonomi pun dah merudum masa tu tahun 1998 tu ekonomi Malaysia kan tengah jatuh jadi masa tu terhenti kat situ jadi Segamat baru ni dia dah campur aduk sebab tu developer beli tanah sikit hahah(ketawa) developer beli tanah ni sikit dah ada dah macam tu sebab sekarang orang tak tahu beza Segamat baru dengan IOI...(mencelah hmm hmm) mana satu IOI mana satu Segamat baru ha orang tak tahu sebab dia dua tanah yang berbeza sebab IOI ni dia bawah company aaa Bandar Putra ni bawah company IOI Segamat baru ni banyak developer ada Kosulin, ada Sia Her Yam aaa apa lagi ha tu lah antara developer yang ada kat Segamat ni en dia dah bercampur aduk hmm dia corak dia dah tak betul.

**MDH: So dari sumber pengetahuan encik adakah encik mengetahui sebarang kisah mengenai penubuhan awal Segamat baru?**

AAL: Haa kisah macam mana? ...(mencelah kisah penubuhan awal dia)...(mencelah macam encik pun dah ada state pasal estet tadi so dia ada ke sejarah yelah macam Segamat lama ada kisah dia sendiri ataupun dia just tanah yang telah dibangunkan oleh pemaju) ha memang memang macam tu ah macam tu je Segamat baru ni dibangunkan macam tu ada pelabur dari eropah dia hantar surat menyurat ke kerajaan negeri Johor mengatakan dia nak melabur disini lepastu cukai nanti dapat ke kerajaan negeri tapi hasil dia bawa ke sana ah ke British en sebab masatu ekonomi getah tengah naik sebab buat tayar buat macam-macam la en getah ni jadi dia takde tempat tu dia nampak Segamat ni boleh develop boleh dibangunkan dengan pertanian ni lah haa tu yang dia cadang tapi tanam getah sebab hasil tu boleh dibawa ke Singapore en secara tak langsung orang orang kampung setempat pun dapat hasil dapat gaji en bayar kerja dengan estet ni en jadi aaa macam tu lah cara Segamat baru ni mula dia macam tu je...(mencelah macam tu je kira) haa dia takde significant apa-apa macam Bendahara Tepok datang haa...(mencelah kiranya Segamat yang sebelum ni lagi bersejarah lah) haa lagi bersejarah la Segamat baru ni membangun ni sebab dia komersial je. (mencelah faham)

**MDH: Sektor ekonomi yang dilakukan sehingga sekarang adakah kilang perindustrian?**

AAL: Haa ada ada bercampur aaa kalau industri depan hospital aaa depan hospital Segamat tu en haa depan hospital tu ada industri ha tu tu kawasan yang dikatakan zoning untuk industri Segamat ah sampailah ke ajiya ke kilang somil kat kat Genuang sana tu Cuma sector lain yang Nampak dia biasa je la dia macam stay jual runcit macam kat taman perumahan tu en jual jual yelah jual kedai serbaneka kedai big ten yang baru buka kat IOI kedai makan tu jela dia takde sector dia bercampurlah tapi sector yang kita nampak yang tersusun kat kilang tu lah ha sebab Segamat baru nak dibangunkan dia buat sector zoning kat situ untuk kilang tapi tiba-tiba depan ada hospital hahaha(ketawa kecil) jadi situ ah sebab katanya nak nak buat bandar baru ah tu panggil Segamat baru sampaikan aaa Segamat tu hospital asal pun asal kat sebelah kat jambatan kereta api tu sekarang dah jadi klinik tu...(mencelah ooo) depan medan selera ha tu asal ha tu asal hospital Segamat lepastu dia pindah ke tahun 2000 siap ha baru dia pindahkan ke hospital Segamat ni ah so kita nampak kat Segamat baru ni ada hospital ada kilang ada pejabat daerah ada padang ada perpustakaan ada mahkamah en dia nak susun ah macam tu en lepastu ada taman sikit en ada sekolah tapi at the end dia hahah(ketawa kecil) akhirnya dia tak tersusun betul lah tak secara organisasi tu tak tersusun betul dia ada campur aduk.

**MDH: Aaa adakah sektor ekonomi utama sewaktu pembukaan awal Segamat baru tu sama je dengan Segamat?**

AAL: Tak sektor awal buka tadi tu pertanian lepastu masa aaa masa Tun Mahathir jadi perdana menteri kan masa tu kita nak bawa industri kilang kereta la kilang sebabtu la pergi ke industry Segamat baru kita akan jumpa kedai kereta potong kereta aaa kat situ lah tempat macam apa Toyota punya insuran macam kita nak servis kereta en kat situ sebabtu kilang kereta banyak kat situ kononnya kat situ konon nak buat zoning untuk industri kereta en sebab zaman tu Tun Mahathir punya idea konsep ni jadi memang pertanian ni dah tolak ke tepi...(mencelah so dia lebih kepada industry) ha betul tapi zoning dia kat depan tu ah kat depan hospital tu kat situ je cadang dia ha depan betul hospital belakang tu semua minta untuk pertolongan kerajaan ah ha industri awal dia dah berubah sektor ekonomi dia dah berubah.

**MDH: Itu saja untuk soalan Segamat baru seterusnya.**

**SAI: Aaa jadi encik sedikit mengenai Segamat baru sebelum saya ke Segamat Kecil segmen yang terakhir aaa saya ada buat sedikit bacaan jadinya aaa terdapat kubur cina di Segamat baru adakah mende tu encik boleh sahihkan ataupun yang tu belum ada data untuk memastikannya?**

AAL: Oh okay kubur tu kubur cina orang yang bekerja buruh kat situ ah kawasan kawasan estet awal tu jadi dia dah bercampur dengan dia dikatakan ni ni sejarah lisan ah kita jumpa an kebanyakan mati tu sebab masa tu pemerintahan Jepun jadi dia kena mati masa tu Jepun kan dia bunuh orang cina ha memang target dia orang cina orang melayu kalau yang memberontak baru dia bunuh kalau kerja dengan dia tak bunuh ha jadi kebanyakan orang cina ni dibunuh jadi kat situ la kubur dia sebabtu ada sebahagian kubur tu dah termasuk dalam reserve pejabat veterinar dia jadi isu kat situ sebabtu dia ada pagar sekarang en ha takkan nak korek...(mencelah hahaha takkan nak bayar) ha jadi diaorang ada adukan aa apa isu ni kat pejabat daerah en tapi at the end pejabat daerah tutup pagar je tak boleh nak buat apa-apa tapi tak silap saya persatuan tu persatuan eh suku tu suku ni suku Hokkien...(mencelah Hokkien) ha suku Hokkien suku Hokkien ni paling ramai kat Segamat suku Hokkien ni paling ramai kat Segamat ah Akka paling kurang ah ha sini yang banyak Hokkien dengan Hainan ha Akka Akka ni kurang sebab akka ni suku Akka ni paling senang bergaul dengan orang Melayu sebabtu kita tengok kedai Cina yang buka kedai Melayu ada sekali tu en tu suku Akka sebab suku Akka ni dia boleh bergaul dengan orang Melayu ha suku lain ni dia susah sikit jadi kalau kita jumpa kedai cina yang buka sekali tu suku Akka kita dah tahu.

**SAI: So kita ke Segamat kecil so Segamat kecil ni kalau ikutkan pembacaan saya jugak dia lebih kepada masyarakat orang Asli okay jadinya saya nak tanya aaa persepsi encik terhadap pembukaan Segamat kecil ni jadinya dia memang dibuka oleh orang Asli ke ataupun macam mana mengikut ha pandangan encik?**

AAL: Ha okay Segamat Segamat kecil ni dia dia dah bercantum dengan penempatan orang Asli yang lain-lain tau contohnya saya jumpa rekod dari Prof Kasim Tukiman dia buat kajian pasal sejarah Johor dia ada buat buku sikit sejarah Segamat ni dia ada satu buku tu dia bagitau aaa dia jumpa rekod ah Kampung Cabong tu depan



Lubok Batu tu seberang Lubok Batu ada sungai Segamat ni aaa ni Lubok Batu ni sungai Segamat depan tu kampung Cabong sekarang Kampung Cabong dah jadi sawit dah...(mencelah ohh) okay situ dulu adalah penempatan orang Asli jadi masa zaman komunis darurat orang Asli dia pindahkan ke Segamat kecil ha ada rekod tu dipindahkan ke sana dikumpulkan satu tempat ha sebab mungkin budaya dia dah tak berapa sesuai en lepastu isu tanah apa lagi jadinya dia pindahkan keluarga dia ke Segamat kecil eh Segamat kecil Segamat kecil ni dah lama ah aaa jadi ada juga isu-isu yang lain macam aaa Kampung Panglima Putih Kampung Panglima Putih ni dah lama sewaktu aaa ada jurnalis orang eropah ni dia merantau kat area Segamat ni dia dibawa oleh Panglima Putih ni dalam jurnal dia ni sebabtu saya jumpa map dia ada Kampung Panglima Putih yang dia jumpa orang Asli tu ah dekat dengan Segamat kecil tu ah so orang Asli ni kebanyakannya orang Jakun ah tapi kalau aaa di belah Palong banyak suku Semelai sebab dia pengaruh dengan Pahang haah daripada atas tu en jadi Segamat ni macam ada dua lah di belah Palong orang Asli Semelai di Segamat kecil ni orang Asli Jakun ah haa jadi orang Asli ni dah lama lah menetap kat Segamat ni cuma kita tak dapat aaa trace dia masa bila kedatangan dia tu kita takde data tu ah tok batin tu daripada zaman bila.

**SAI: So aaa seterusnya macam encik cakap tak dapat trace tapi dapat tau ke maknanya aaa bila dibuka?**

AAL: Haa tu tak dapat tahu kita jumpa tok batin dia pun dia tak boleh nak cerita dia cuma tahu zaman atok dia je... (mencelah ooo) ha yang buka tu tapi sebenarnya ada yang lagi lama kita tak tahu dia pun tak dapat jumpa en rekod tu.

**SAI: Lepastu aaa kalau aaa di Segamat kecil ni adakah hanya kaum orang Asli ataupun ada macam kaum lain?**

AAL: Ohh dah dah dah dah dah mula bergaul dah contoh yang contoh ada isu yang saya nampak adalah orang Cina ni yang kerja dengan estet ni dia dah berkahwin dengan orang Asli untuk dapatkan kerakyatan ni berlaku jadi kalau kita pergi Segamat kecil nanti kita akan jumpa satu kedai runcit ha keluarga dia buka tapi dia orang Cina tapi kahwin perempuan orang Asli untuk dapatkan kerakyatan aaa so dia

dah bercantum ah dia dah bergabung budaya tu aaa tapi ada jugak orang Asli yang macam saya kenal aaa budak aaa student Architecture jugak lah orang dia orang Asli di Bekok orang Asli Bekok ni orang Jakun jugak dia dah dia dah belajar dah dah apa semua dah berkahwin last-last kahwin jugak orang Melayu ha tapi tak jauh beza pun orang Melayu sebab dalam jurnal masa dia rekod masa orang Jakun kat Segamat kecil tu sama je macam orang kita ha macam contoh dia buat satu ayat dia tu anu anu kan barang tu ha perkataan anu tu ha orang kita pakai anu kan anu kan tu rupanya orang Segamat kecil ni pun guna perkataan anu eh sama juga lepastu jurnalis tu cakap sama je orang Jakun cuma cara adat dia je menyebabkan kita rasa berbeza en cara hidup dia apa semua.

**SAI: Ha lepastu encik maknanya aaa agama agama kita pun tahu orang Asli tak sepenuhnya yang agama Islam jadinya ada ke data daripada encik yang maknanya agama awal di situ adakah dia Islam ke atau?**

AAL: Dia memang orang sana em em em amalkan ananisme yang awal nenek moyang dia en tapi sekarang ada dah ada masjid dakwah semua tu dah ramai yang peluk Islam lah cuma dari segi macam anjing tu ada lagi dia dia masih anggap yang anjing tu peliharaan dia dia tak sepenuhnya lah ha... (mencelah lepastu macam aaa) tapi dia masih amalkan tok batin masih ada... (mencelah ooo masih ada lagi) lagi aaa dia punya adat hidupan tu masih ada lagi lah tok batin kami jumpa tok batin dia semua.

**SAI: Lepastu kalau encik tengok aaa macam mana dengan sektor ekonomi apa yang diaorang buat untuk survive?**

AAL: Sekarang ni yang diaorang boleh survive kita punya perlancongan tu yang pergi ke Takah Pengkoi tu...(mencelah ha ha ha) ha orang yang bangunkan tempat tu dia kena bayar sebahagian tak silap ke orang kampung asli...(mencelah sebabtu dia dia reserve orang asli) ya reserve orang asli jadi kalau kita kalau pergi ke Takah Pengkoi tu bukan kita sumbang kan kepada orang tuan tanah je tapi ke orang asli sendiri sebenarnya bayar parking sewa camping punya site en sekarang ekonomi dia

kat situ je tapia da lagi yang masih dah dah kerja ada yang dah kalau di Segamat kecil ada yang dah pandai repair motor dia macam macam biasa lah cuma cuma yang yang paling kelakar ah Kerajaan Negeri Johor dah bagi satu rumah batu dia masih duduk kat rumah rumah lama dia rumah yang pakai buloh kelarai tu en kayu apa semua tu en rumah yang batu tu dia buat apa dia buat stor ahahahah(ketawa) ha tapi macam banjir banjir dia letak ah dalam rumah apa ahaha (ketawa) batu tu ha kalau orang tengok dah jadi stor ah kalau petang petang tengah hari nanti dia duduk kat tangga borak-borak dengan anak dia kat rumah kayu kelarai tu dia masih dengan selesa lah...(mencelah dia selesa la dengan environment rumah lama dia tu) ha rumah lama dia tu.

**SAI: Lepastu aaa soalan terakhir lah saya rasa soalan terakhir untuk segmen kita aaa adakah budaya untuk orang Asli ni masih kekal aaa ataupun hanya aaa certain-certain je yang masih menjalankan adat-adat dan apakah adat-adatnya?**

AAL: Kebanyakannya masih mengamalkan adat lagi kalau kita jumpa tok batin pun dia masih lagi kalau kita nak berubat ke minta ubat ke ape en dia masih buat lagi dia masih amalkan lagi ha keluarga diaorang pun kalau sakit jumpa tok batin ha masih ada lagi masih ada lagi tapi tak tahu lah mungkin ada yang solat ada yang tak solat tak tahu lah.

**SAI: Jadi dengan ini aaa tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Sejarah Pembukaan Segamat bersama ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini ia dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah pembukaan segamat terhadap para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

# **LOG TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
0:01-5:00	Latar belakang responden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Aisyamuddin Bin Abd Latip</li> <li>• Nama panggilan Muddin, Aisyam dan Aisy</li> <li>• Dilahirkan di Kampung Alai Gemereh, Segamat</li> <li>• Dilahirkan pada 7 Januari 1995 pada hari Isnin</li> <li>• Merupakan anak jati Segamat</li> <li>• Sekolah Kebangsaan Gemereh</li> <li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra</li> <li>• Melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Arkitek</li> <li>• Pelajar Universiti Teknologi Malaysia cawangan Skudai</li> </ul>
5:01-6:01	Aktiviti selepas habis belajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat buku</li> <li>• Bekerja di Kuala Lumpur selama dua tahun</li> <li>• Melanjutkan pelajaran dalam 'Master's in Architecture'</li> </ul>
6:02-7:46	Cabaran semasa melanjutkan pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak mendapat biasiswa</li> <li>• Terpaksa membuat pinjaman untuk sambung belajar</li> <li>• Membuat plan untuk tampung perbelanjaan</li> <li>• Menyertai KL Sketch Nation untuk menjual hasil karya sendiri</li> </ul>
7:48-8:57	Mengambil upah untuk lukisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melukis di Pasar Seni dan Sentul</li> <li>• Membuat lukisan 3D gerai</li> </ul>
8:58-14:32	Penglibatan dalam Persatuan Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1947</li> </ul>

	Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan oleh Penghulu Jementah</li> <li>• Tubuhkan 'Group' Facebook pada tahun 2014 – Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat</li> <li>• Pada tahun 2019, Encik Abdul Salleh Bin Abdul Rahman mendaftarkan persatuan ini.</li> <li>• Menyertai Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat pada tahun 2019</li> <li>• Didorang kerana mendapat geran penyelidikan</li> <li>• Tiada elaun diberikan</li> <li>• Menggunakan duit daripada YPJ sebagai perbelajaan untuk ke arkib untuk mendapatkan data</li> </ul>
14:33-16:04	Membuat keuntungan melalui persatuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar SSM atas nama sendiri</li> <li>• Menjual maklumat kepada pemaju untuk tujuan dokumentasi</li> <li>• Menggunakan nama Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat sebagai sumber dan meletakkan SSM sendiri di dalam invois</li> </ul>
16:05-19:49	Pandangan umum mengenai Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertanian Segamat pada zaman dulu amat hebat</li> <li>• Pertanian di Segamat pada zaman sekarang terlalu komersial</li> <li>• Buah-buah tempatan telah hilang akibat ditebang demi tujuan pembangunan</li> <li>• Segamat telah mula membangun selepas ada nya lebuh raya pada</li> </ul>

		<p>tahun 1980</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Segamat menjadi sempadan kepada Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan</li> <li>• Segamat digelar sempadan 3 negeri</li> <li>• Bagaimana untuk menarik pelabur untuk melabur dalam bidang pertanian</li> </ul>
19:50-27:45	Perintis bagi nama Segamat dan kisah di sebalik nama Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Segamat ditubuhkan pada tahun 1511</li> <li>• Sewaktu Melaka diserang Portugis</li> <li>• Bendahara Tepok mengalami penyakit lumpuh sewaktu diserang Portugis</li> <li>• Bendahara Tepok dikatakan telah berumur 80 lebih ketika itu</li> <li>• Bendahara Tepok lari melalui Bukit Berlubang/Batu Berlubang di Ulu Jementah</li> <li>• Bendahara Tepok dan pengikutnya seramai 20 orang berehat di Sungai Segamat</li> <li>• Bendahara Tepok telah meminum air dari Sungai Segamat dan mengatakan air tersebut segar amat.</li> <li>• Secara tidak langsung ia telah menjadi nama Segamat (Segar Amat)</li> <li>• Leban Condong merupakan nama awal sebelum diberi nama Segamat</li> <li>• Leban Condong sempena Pokok Leban yang besar itu Condong.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temenggong Muar yang telah memberi nama tersebut</li> <li>• Selepas pokok itu mati, nama tersebut ditukar kepada Kampung Rantau Panjang</li> </ul>
27:46-31:25	Penduduk terawal di Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bendahara Tepok tinggal di Segamat hanya 4 tahun</li> <li>• Negeri Sembilan mengambil alih Segamat</li> <li>• Temenggong Muar mengambil alih Segamat selepas mendapat hadiah mas kahwin daripada Sultan Johor lama</li> <li>• Temenggong Muar memerintah Segamat dengan mengamalkan adat perpatih dan adat temenggong</li> <li>•</li> </ul>
31:26-34:56	Maksud disebalik bendera Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bendera Segamat asalnya dipinjam daripada Endau</li> <li>• Bendera tersebut menandakan adanya Pesuruhanjaya Kerajaan</li> <li>• Kemajuan di Segamat meningkat disebabkan laluan keretapi</li> <li>• Bendera Endau menjadi milik Segamat</li> <li>• Bulan bintang melambang agama islam sebagai agama rasmi</li> <li>• Bintang pecah lima sebagai tanda perpaduan dan sepakat penduduk di daerah Segamat</li> <li>• Warna kuning melambang kedaulatan taat setia dibawah naungan raja</li> <li>• Warna putih bermaksud hati suci dan Ikhlas di daerah Segamat</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warna merah bermaksud keberanian dan kekuatan</li> </ul>
34:57 – 40:57	Pendapat tentang adat & pengaruh Islam (Segamat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika menjadi kekangan tidak perlu diamalkan.</li> <li>• Beliau merasakan adat ialah satu medium untuk mengeratkan silaturahim.</li> <li>• Agama islam juga mengajar jika sesuatu perkara membebankan tak perlu diikut.</li> <li>• Beliau juga menjalankan kajian berkitan rumah Limas dan ianya juga dibangunkan dengan pengaruh adat yang kuat.</li> <li>• Penanaman padi jua semasa itu menggunakan adat untuk ditanam.</li> <li>• Islam mula masuk setelah mufti memberikan dakwah.</li> <li>• Beliau juga berkongsi adat Mandi Safar yang telah dihapuskan.</li> <li>• Kolah atau tempat menjalankan Mandi Safar juga turut dihapuskan.</li> <li>• Kemasukan awal Bendahara Tepok masih belum mengamalkan Islam secara menyeluruh.</li> <li>• Setelah tahun 1932 adat dan Islam masih dijalankan secara bercampur aduk.</li> <li>• Ianya telah dibuktikan di dalam diari atau buku Cikgu Hasan Mohammad.</li> <li>• Terdaat mantera-mantera yang mencampurkan kalimah suci dan juga mantera-mantera.</li> <li>• Beliau berpendapat Islam suda</li> </ul>

		masuk cuma belum diamalkan secara menyeluruh.
40:58 – 41:58	Corak pentadbiran (Segamat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Temenggung Muar yang telah dilantik Sultan Johor.</li> <li>• Sultan pertama Johor, Sultan Mahmud.</li> <li>• Empat penghulu yang dilantik.</li> <li>• Juga dilantik batin-batin yang tersendiri.</li> </ul>
41:58 – 46:48	Corak ekonomi dan pertanian (Segamat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem kankar digunakan semasa kemasukan orang Cina.</li> <li>• Kankar yang pertama dibuka di Buloh Kasap.</li> <li>• Pertanian yang menaikkan ekonomi masa itu gambir dan lada hitam.</li> <li>• Terkini YB Azhari nak cuba bangunkan tanaman tersebut semula.</li> <li>• Ekonomi awal memang pertanian di Segamat.</li> <li>• Orang Melayu jual rotan dan buloh di Bukit Kepong.</li> <li>• Bukit Kepong masa dahulu sebuah pusat perdagangan yang besar.</li> <li>• Pada masa dahulu mengikut buku diari Cikgu Aziman Abdul Ghani, durian tidak dijual untuk tujuan ekonomi.</li> <li>• Bermula tahun 70-80-an barulah durian dijual dan menyumbang kepada ekonomi di Segamat.</li> <li>• Ianya setelah dapat mengetahui tentang tanah Segamat Series.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah Segamat Series mengandungi volcano yang sangat sesuai untuk pertanian.</li> <li>• Segamat Series merangkumi Buloh Kasap hinggalah ke Pahang.</li> <li>• Sektor ekonomi utama ialah sawit setelah ladang dibuka oleh Tun Abdul Razak.</li> <li>• Ekonomi tertumpu kepada Felda.</li> <li>• Pada pendapat beliau, getah dan juga kilang tidak begitu menyerlah di Segamat.</li> </ul>
46:48 – 48:47	Peristiwa penting dan detik bersejarah (Segamat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Detik bersejarah terawal ialah bagaimana Segamat mendapat nama.</li> <li>• Beliau sendiri mencadangkan untuk membuat sambutan.</li> <li>• Segamat telah melebihi 100 tahun setelah pembukaan.</li> <li>• Beliau berpendapat, sejarah di setiap zaman hanya dirasai generasi semasa itu.</li> <li>• Generasi terdahulu merasai zaman penjajahan Jepun.</li> <li>• Pada masa kini, merasai serangan wabak Covid.</li> <li>• Beliau sendiri berkata, beliau tidak dapat menggambarkan setiap sejarah kerana generasi yang merasainya sudah pasti dapat menghayatinya.</li> </ul>
48:47 – 53:43	Pembangunan dan asal-usul (Segamat Baru)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada pendapat beliau, Bandar IOI sudahpun ingin bercantum</li> </ul>

		<p>dengan Kampung Paya Luas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem orang kampung dan orang taman berbeza.</li> <li>• Pada awalnya kawasan Segamat Baru ialah kawasan estet.</li> <li>• Setelah Bandar IOI dibangunkan, estet getah telah hilang sikit demi sedikit.</li> <li>• Segamat Baru ditubuhkan pada tahun 1990.</li> <li>• Kawasan tersebut dibangunkan pada tahun 1906 dengan estet.</li> <li>• Pokok getah ditebang pada masa itu kerana pembinaan landasan kereta api yang membawa hasil ke Singapura.</li> <li>• Pada pendapat beliau, beliau inginkan kemajuan dan keuntungan yang sama rata antara penduduk kampung dan taman.</li> <li>• Melur Peninsular Rubble Cocation telah membangunkan estet terawal.</li> <li>• 100 orang Cina, 250 orang Tamil dan 150 orang Melayu menjadi pekerja buruh.</li> <li>• Beliau sendiri menjalankan temubual bersama Penghulu Melanin berkaitan pembukaan estet.</li> <li>• Estet telah dibuka kerana lot yang besar.</li> <li>• Jambatan Genuang hingga ke Segamat Baru itulah kawasan estet yang dimiliki Segamat Baru.</li> </ul>
--	--	--

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses membangunkan estet menjadi mudah jika tidak melibatkan kawasan kampung kerana tidak memerlukan proses hak milik.</li> </ul>
53:43 – 57:50	Tokoh penubuhan dan kisah penubuhan (Segamat Baru)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada tokoh yang bangunka Segamat Baru.</li> <li>• Dibangunkan secara sikit-sikit menggunakan konsep Putrajaya.</li> <li>• Setelah itu baru dipindahkan pejabat daerah dan pejabat pentadbiran ke Segamat Baru.</li> <li>• Setelah mendapat peruntukkan barulah lebih bnyak bangunan dipindahkan seperti perpustakaan.</li> <li>• Segamat Baru dipanggil kerana ingin dijadikan seperti Cyberjaya atau KotaSAS tetapi tidak kesampaian dan menjadi taman.</li> <li>• Pada tahun 1988, zaman Mahathir ekonomi sedang merudum yang menyebabkan Segamat Baru tidak dapatdilaksanakan seperti dirancangkan.</li> <li>• Ianya mula bercampur apabila pemaju membeli tanah dan membina Bandar IOI.</li> <li>• Kisah awal ialah apabila orang British mahumelabur dan menghantar surat ke kerajaan Negeri Johor.</li> <li>• Ianya juga dipengaruhi pembangunan estet.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Segamat Baru tidak mempunyai kisah seperti Segamat.</li> </ul>
57:50 – 60:47	Sektor ekonomi terkini dan utama (Segamat Baru)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih menumpukan kilang dan juga kedai serbaneka.</li> <li>• Kilang lebih Nampak tersusun sama seperti bangunan hospital, perpustakaan, pejabat daerah, taman dan juga padang.</li> <li>• Pada akhirnya masih tak tersusun tetapi ianya berjaya kerana zon itu memang dikhaskan kepada perkara tersebut.</li> <li>• Sektor awal telahpun ditolak kerana pada zaman Mahathir kilang dan automotif diketengahkan.</li> <li>• Juga menemui kebuntuan kerana faktor ekonomi.</li> </ul>
60:47 – 62:46	Kubur Cina (Segamat Baru)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kubur Cina ketika zaman penjajahan Jepun.</li> <li>• Orang Cina yang dibunuh kerana fahaman Jepun tentang Komunis.</li> <li>• Orang Melayu tidak dibunuh melainkan menentang Jepun.</li> <li>• Telah menjadi isu kerana tanah kubur yang telah berada di dalam pagar Pejabat Veterinar.</li> <li>• Tiada apa dapat dilakukan kerana tiada tindakan yang dijalankan.</li> <li>• Suku-suku yang terlibat dan wujud ialah Hokkien dan Akka.</li> <li>• Suku Hokkien ialah suku yang paling ramai di Segamat dan Akka yang sedikit.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Suku Akka lebih mudah dikenali dan dirapati kerana pertalian yang kuat dengan orang Melayu.</li> </ul>
62:46 – 69:53	Asal- usul (Segamat Kecil)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau membuat kajian rekod dari Prof Kasim Tukiman, Kampung Cabong dahulunya pernah menjadi penempatan orang Asli tetapi telah dipindahkan semasa pemerintahan Jepun.</li> <li>• Dipindahkan atas faktor budaya dan juga tanah.</li> <li>• Kajian beliau tentang Kampung Panglima Putih menemui peta yang menyatakan ada suku Jakun dan juga Semelai.</li> <li>• Suku Semelai lebih berpengaruh di Pahang.</li> <li>• Kampung orang asli juga tidak dapat diketahui tarikh pembukaan kerana belum ada rekod yang dijumpai.</li> <li>• Orang asli juga sudah bergaul dengan orang Melayu dan Cina atas faktor mendapatkan kerakyatan.</li> <li>• Jurnalis yang pernah menjalankan kajian juga menyatakan tidak banyak perbezaan diantara orang Melayu dan orang Asli.</li> <li>• Agama Islam tidak digunakan pada awalnya dan mereka mengamalkan ananisme.</li> <li>• Dakwah yang dijalankan telah</li> </ul>

		<p>menyebarkan Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegiatan ekonomi orang Asli sebenarnya secara langsung tidak kita tahu seperti kita pergi ke Takah Pengkoi.</li> <li>• Apa sahaja yang dibayar di Takah Pengkoi akan disalurkan kepada orang Asli kerana itu tanah mereka.</li> <li>• Adat di kampung orang Asli diguna pakai sehigga ke hari ini.</li> </ul>
69:53 – 70:38	Penutup	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadi dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Sejarah Pembukaan Segamat bersama Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan erjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini ia dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah pembukaan segamat terhadap para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.</li> </ul>



# **GLOSARI**

## 7.0 GLOSARI

<b>A</b>	
Abad	Merujuk kepada tempoh masa seratus tahun. Satu abad bersamaan dengan sepuluh dekad.
<b>B</b>	
Berkelah	Meluangkan masa di tepi pantai atau pun sungai
<b>C</b>	
Cenderung	Menaruh minat terhadap sesuatu
<b>D</b>	
Daerah	Daerah ialah kawasan pentabiran sesuatu tempat. Beberapa kampung membentuk sebuah mukim. Beberapa mukim membentuk sebuah daerah.
Diploma	Diploma ia merupakan sijil ataupun ijazah yang dikeluarkan oleh sesuatu institusi pendidikan tertentu samada dari peringkat kementerian, sekolah tinggi, kolej, kolej universiti mahupun universiti.
<b>E</b>	
Elemen	Sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur
<b>F</b>	
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) (bahasa Inggeris: Federal Land Development Authority atau FELDA) adalah satu agensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baru dibangun agar meningkatkan taraf ekonomi mereka
<b>G</b>	
Generasi	Individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama

<b>I</b>	
Informan	Orang yang memberi keterangan atau maklumat tentang sesuatu perkara
<b>L</b>	
Legenda	Kisah-kisah yang mempunyai sejarah sebaliknya
Legasi	Perwarisan untuk sesuatu perkara
<b>M</b>	
Melur Peninsular Rubble	Pelabur eropah dalam memajukan tanaman getah. Bergiat di tahun 1906.
Memori	Kenangan dan ingatan
<b>O</b>	
Orientasi	Program yang diadakan untuk ahli-ahli baharu
<b>P</b>	
Penyelidik	Orang yang menjalankan kajian ke atas sesuatu perkara
Primer	Sumber pertama
<b>R</b>	
Rekonstruksi	Perbuatan membentuk gambaran melalui pengumpulan maklumat
<b>S</b>	
Salahsilah	Susur galur keturunan
Sempadan	Perbatasan sesuatu tempat atau negeri
Sejarawan	Sejarawan atau ahli sejarah adalah seorang yang mempelajari dan menulis berkenaan sejarah, dan dianggap sebagai pihak berkuasa ke atasnya.
<b>T</b>	
Tradisi	Sesuatu amalan yang sudah sebatikan di kalangan masyarakat
Tokoh	Orang kenamaan dan terkemuka yang mempunyai sejarah tersendiri

<b>W</b>	
Wawancara	Sesi soal jawab antara wartawan bersama orang terkemuka untuk mendapatkan keterangan tentang sesuatu perkara

# INDEKS

## 8.0 INDEKS

### A

adat, 35, 36, 37, 38, 48, 49, 50, 55, 56, 78  
adat perpatih, 35, 55  
adat temenggong, 35, 55  
air, 33, 38, 54  
Arkib, 32, 35, 37

### B

Bendahara Tepok, 32, 34, 38, 41, 45, 54, 55, 56, 79  
bendera, 35, 55, 77  
buku, 26, 29, 38, 40, 47, 52, 56, 57, 80

### C

Cikgu, 28, 38, 40, 56, 57  
Cina, 39, 43, 47, 48, 57, 59, 61, 62

### D

DO, 9, 29

### E

Endau, 35, 55

### I

IOI, 7, 25, 26, 42, 43, 44, 45, 58, 59, 60  
Islam, 17, 38, 49, 56, 57, 62, 74, 77

### J

Jementah, 28, 32, 53, 54  
Johor, 3, 9, 14, 15, 17, 18, 23, 25, 28, 32, 34, 35, 37, 39,  
42, 43, 45, 47, 49, 55, 57, 60, 74, 81

### K

Kampung Rantau Panjang, 33, 55

KL Sketch Nation, 27, 52

### L

Leban Condong, 33, 54, 55  
Lubuk Batu, 33, 79

### M

Melaka, 31, 32, 35, 54  
melayu, 40, 46

### N

NGO, 9, 29, 30

### P

Pahang, 15, 31, 40, 44, 47, 54, 58, 62  
Pengkulu, 28, 39, 43, 53, 59  
Persatuan Sejarah Segamat, 28  
pertanian, 31, 39, 45, 46, 54, 57, 58  
Portugis, 32, 34, 54

### R

R.O Winstedt, 32

### S

Segamat, 3, 14, 15, 17, 18, 20, 23, 25, 26, 28, 30, 31, 32,  
34, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48,  
49, 50, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63,  
72, 74, 76, 77, 78, 79, 80, 82, 83  
sempadan, 31, 32, 54  
SSM, 9, 30, 53

### T

Temenggong, 31, 34, 35, 55, 85  
Tok Batin, 35  
Tun Sri Lanang, 32

# **BIBLIOGRAFI**

## 9.0 BIBLIOGRAFI

Blogger. (2013a, November 2). SJH 3104 Sejarah Lisan: Kepentingan Sumber Lisan. <http://tuhaulomiding.blogspot.com/2013/11/sjh-3104-sejarah-lisan-kepentingan.html#:~:text=Sumber%20lisan%20penting%20untuk%20memelihara,membantu%20memberikan%20gambaran%20yang%20lebih>

Dol, Z. (2015, February 4). *Sejarah Segamat*. Komuniti Segamat.

<http://segamat.com.my/sejarah-segamat/>

Nadzan Haron. 1979. Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9: 44-58.

Rozeman Abu Hassan. 2004. *Mengenal dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*.

Shah Alam: Karisma Pub.

*SEJARAH LISAN*. (n.d.). <http://www.ukm.my/sejarah/>

[sejarahlisan/sejarahlisan.html](http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html)



# LAMPIRAN

## 10.0 LAMPIRAN

### 10.1 BIOGRAFI TOKOH



<b>Profil</b>	<b>Maklumat Terperinci</b>
Nama Penuh	Encik Aisyamuddin Bin Abd Latip
Umur	28 Tahun
Tarikh Lahir	7 Januari 1995
Tempat Tinggal	Kampung Alai, Gemereh Segamat, Johor
Status	Belum Berkahwin
Pekerjaan	Pelajar Jurusan Arkitek
Agama	Islam

## 10.2 SURAT PERJANJIAN

<a href="http://www.johor.uitm.edu.my">www.johor.uitm.edu.my</a>	
<b>Bidang Pengurusan Maklumat</b> <i>Study of Information Management</i>	Universiti Teknologi MARA Johor Km. 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Faks: 07-9352450
	

Rujukan : 100UITMJ(HEA/FPM.9/10/7)  
Tarikh : 9 MEI 2023

### ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP

Pengkisah Sejarah Tempatan

### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-

NAMA PELAJAR	NOMBOR PELAJAR
MUHAMMAD DANNIEL HARITH BIN MD NADZIRUDDIN	2022996635
SYED AHMAD IZZAT ALJUNID BIN SYED MOHAMMAD	2022958585

5. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping **mengumpulkan kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



**AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDDZAMAN**

Pensyarah Kanan

b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat  
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media

### 10.3 SENARAI SOALAN

#### SOALAN PROJEK SEJARAH LISAN (SEJARAH PEMBUKAAN SEGAMAT)

##### Bahagian 1: Soalan Orientasi

1. Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang diri encik?
  - a) Nama penuh
  - b) Nama ringkas/ Gelaran
  - c) Tempat lahir
  - d) Tarikh lahir dan umur
  - e) Adakah encik merupakan anak jati segamat?
  
2. Boleh ceritakan sedikit tentang sejarah Pendidikan tuan?
  - a) Dimanakah tempat Encik belajar dahulu?
    - Sekolah Rendah
    - Sekolah Menengah
    - Adakah Encik melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi?
    - Adakah Encik menghadapi cabaran dan kesusahan dalam melanjutkan pelajaran pada ketika itu?
  
3. Bolehkah encik ceritakan tentang penglibatan tuan dalam Persatuan Sejarah Segamat?
  - a) Sejak bilakah tuan menyertai Persatuan ini?
  - b) Apakah yang mendorong tuan untuk menyertai persatuan ini?
  - c) Adakah persatuan ini ada memberi elaun kepada tuan atau para ahli yang lain?

## **Bahagian 2: Soalan Umum Dan Soalan Khusus**

### **1. SEGAMAT (Soalan Umum)**

- a) Apakah pandangan umum Encik mengenai Segamat?
- b) Adakah Encik setuju kalau kami melabelkan Segamat sebagai sebuah bandar yang kaya dengan buah-buahan? Khususnya buah durian

### **2. SEGAMAT (Soalan Khusus)**

- a) Siapakah tokoh perintis bagi nama Segamat?
- b) Apakah kisah di sebalik nama Segamat?
- c) Pada tahun bilakah Segamat di buka?
- d) Bolehkah encik memberitahu kami tentang penduduk terawal yang menduduki Segamat dan cara hidup mereka?
- e) Apakah faktor pembukaan Segamat?
- f) Adakah Segamat pernah dijajah oleh penjajah? Jika ada,pada tahun berapa Segamat dijajah?
- g) Apakah peristiwa penting atau detik bersejarah yang telah berlaku di Segamat?
- h) Apakah aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan Segamat?
- i) Apakah aktiviti sosial masyarakat di awal pembukaan Segamat?
- j) Apakah sektor ekonomi yang utama di Segamat pada masa kini?
- k) Bagaimanakah corak pentadbiran di awal pembukaan Segamat?
- l) Apakah maksud di sebalik bendera Segamat?
- m) Adakah pengaruh Islam sewaktu itu kuat?

### **1. SEGAMAT BARU (Soalan Umum)**

- a) Apakah persepsi Encik terhadap pembangunan Segamat Baru?
- b) Pada pandangan Encik,adakah dengan pembukaan Segamat Baru ia dapat meningkatkan sektor ekonomi di Segamat?

## **2. SEGAMAT BARU (Soalan Khusus)**

- a) Apakah faktor yang mendorong pembukaan Segamat Baru?
- b) Sebelum pembangunan Segamat Baru,apakah asal usul kawasan itu?
- c) Siapakah tokoh yang merasmikan pembukaan Segamat Baru?
- d) Pada tahun bilakah Segamat Baru di buka?
- e) Adakah taraf kemajuan di Segamat Baru lebih pesat berbanding di Segamat Lama?
- f) Dari sumber dan pengetahuan Encik, adakah Encik mengetahui sebarang kisah mengenai penubuhan awal Segamat Baru?
- g) Apakah peristiwa penting atau detik bersejarah yang telah berlaku di Segamat Baru
- h) Apakah sektor ekonomi utama sewaktu pembukaan awal Segamat Baru
- i) Adakah sektor ekonomi tersebut dilakukan sehingga sekarang?
- j) Dengan pembukaan Segamat Baru,adakah ia dapat meningkat sektor ekonomi di Segamat?

## **1. SEGAMAT KECIL - MASYARAKAT ORANG ASLI (Soalan Umum)**

- a) Apakah persepsi encik terhadap pembukaan Segamat Kecil?

## **2. SEGAMAT KECIL - MASYARAKAT ORANG ASLI (Soalan Khusus)**

- a) Pada tahun bila Segamat kecil telah dibuka? Mengapa ia dibuka?
- b) Boleh encik ceritakan kaum atau bangsa yang menetap di Segamat kecil? (jika ada)
- c) Apakah sektor ekonomi yang pesat dan dijalankan di Segamat kecil?
- d) Apakah budaya atau adat yang dilakukan di kalangan masyarakat orang asli tersebut?

#### 10.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA DAN LOKASI	TINDAKAN
8 Mei 2023	10:00AM-12:00AM SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerima penerangan awal mengenai penghasilan transkrip oleh Puan Azura Binti Abdul Jamil@Kamarudzzaman</li> <li>Pemberian tema untuk penghasilan transkrip telah diberikan pada hari tersebut</li> <li>Pemilihan pasangan untuk pembuatan transkrip dilakukan pada hari tersebut</li> <li>Tema yang diberikan kepada kami ialah 'Sejarah Pembukaan Segamat'</li> <li>Responden yang telah ditetapkan untuk kami ialah Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip</li> </ul>
9 Mei 2023	10:00AM Melalui aplikasi Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi responden kami iaitu Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip untuk menetapkan tarikh pertemuan pertama</li> </ul>
11 Mei 2023	2:00PM PTDi 1 UiTM Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan soalan contoh untuk diberikan kepada Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip sewaktu pertemuan pertama</li> </ul>
12 Mei 2023	9:00AM-12:00PM Cendol Segamat (Masjid India)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi perkenalan diri dilakukan</li> <li>Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip membawa kami ke tempat-tempat bersejarah di Segamat seperti Makam</li> </ul>

		Lubuk Batu dimana Bendahara Tepok dikebumikan
15 Mei 2023	5:00-6:00PM BK9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menunjukkan perkembangan kertas kerja kami kepada pensyarah</li> <li>• Terdapat penambahbaikan yang dilakukan ke atas soalan temubual</li> </ul>
18 Mei 2023	10:00AM-12:00 PM SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan perkara yang perlu dilakukan semasa sesi temubual kedua</li> <li>• Contoh skrip pembuka dan penutup temubual diberikan oleh pensyarah</li> </ul>
20 Mei 2023	10:00AM-12:00 PM Starbucks Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses menyiapkan kertas kerja dilakukan</li> <li>• Segala penambahbaikan dilakukan pada hari tersebut</li> </ul>
25 Mei 2023	10:00AM-12:00PM SL 120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menunjukkan perkembangan kertas kerja kami kepada pensyarah</li> </ul>
8 Jun 2023	10:00AM Platform Ufuture	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar kertas kerja lengkap melalui platform Ufuture</li> </ul>
12 Jun 2023	5:00-6:00PM BK9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi soal jawab dilakukan di dalam kelas bersama pensyarah</li> <li>• Segala persoalan di buku pemikiran telah diajukan kepada pensyarah</li> </ul>
14 Jun 2023	12:00PM PTDi 1 UiTM Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat persiapan soalan untuk sesi temuduga yang kedua</li> </ul>
20 Jun 2023	11:00PM PTDi 1 UiTM Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghubungi Encik Aisyamuddin Bin Abdul Latip</li> </ul>



		<p>untuk menetapkan tarikh pertemuan kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas kata sepakat sesi pertemuan kedua berlangsung pada tarikh 27 Jun 2023 bertempat di Perpustakaan UTM Skudai, Johor</li> </ul>
23 Jun 2023	4:00PM Rumah Sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan persiapan dengan menyediakan alat rakaman dan mikrofon</li> </ul>
27 Jun 2023	10:00AM-12:00PM Perpustakaan UTM Skudai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi temubual kedua dilakukan</li> <li>• Sesi temubual berjalan dengan lancar</li> <li>• Sesi temubual mengambil masa selama 1 jam dan 10 Minit</li> </ul>
1 Julai 2023 – 3 Julai 2023	9:00PM-12:00AM Rumah Sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transkrip temubual disiapkan dalam masa 3 hari</li> </ul>
4 Julai 2023 - 10 Julai 2023	9:00PM-12:00PM Rumah Sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses menyiapkan transkrip lengkap dilakukan</li> </ul>
11 Julai 2023 - 18 Julai 2023	9:00PM-12:00PM Rumah Sewa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses menyiapkan artikel lengkap dilakukan</li> </ul>
20 Julai 2023	10:00AM Platform Ufuture	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar transkrip dan artikel lengkap melalui platform Ufuture</li> </ul>

## 10.5 GAMBAR BERKAITAN



*Papan tanda Segamat yang terletak di Lubok Batu*



*Gambaran maklumat tentang sejarah nama Segamat*



*Makam yang terletak di Lubok Batu*



*Makam Raja Temenggong Muar*



*Penyampaian buah tangan kepada Encik Aisyamuddin*